

BAHAGIAN A

1. Bincangkan peranan sungai dalam pembentukan dan perkembangan tamadun awal dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada tamadun awal.

Pendahuluan (3 Markah)

- Tamadun bermaksud corak kehidupan manusia yang telah berubah dan mengalami kemajuan dan perkembangan dari peringkat prasejarah ke peringkat sejarah bertulis dan bertamadun.
- Tamadun-tamadun awal yang muncul di dunia adalah terletak di lembah-lembah sungai seperti Tamadun Semeria, T.mesir, T. Hwang Ho, T.Indus. Latar belakang tamadun awal seperti T.Sumeria wujud di lembah Sg.tigris dan Euprites, T.mesir di lembah Sg.Nil. Sungai merupakan persekitaran asas dalam perubahan kehidupan manusia yang menjadi faktor penting dalam pembentukan tamadun.

Isi-isi penting (7 x 3 =21 Markah)

1. Sungai sebagai sumber bekalan air.

- Manusia membina petempatan di Lembah sungai kerana mereka memerlukan bekalan air untuk kegunaan sendiri, binatang ternakan dan tanaman. Contoh Sg.tigris, Sg.Nil, Sg.Hwang Ho.
- Sungai juga membekalkan sumber protein kepada mereka.

2. Kawasan Yang Subur

- Sungai mewujudkan kawasan yang subur untuk aktiviti pertanian dan penternakan seperti Lembah Sungai Hwang-Ho membekalkan tanah loes yang subur.
- Hasil pertanian merupakan sumber makanan yang utama justeru kawasan-kawasan lembah sungai menjadi tumpuan manusia.
- Mendapan tanah lanar yang subur di tebing sungai membentuk dataran yang rata dan luas amat sesuai untuk pertanian.

3. Petempatan

- Lembah sungai merupakan lokasi yang paling sesuai untuk dibina petempatan. Ini disebabkan bentuk muka bumi yang rendah, luas, rata dan beralun.

4. Sumber Alam

- Kawasan lembah sungai sebagai sumber alam semula jadi yang membekalkan tanah lanar yang subur untuk tanaman. Tanah liat berpasir untuk pembinaan rumah seperti masyarakat Indus yang membina rumah di Bandar Mohenjo-daro dan Harappa dan untuk membina tembok di Jericho dan Catal Huyuk. Lembah sungai juga membekalkan sumber kayu untuk binaan rumah di alam Melayu.

5. Iklim

- Iklim Lembah sungai disederhanakan oleh faktor penyejukan suhu permukaan air .
- Biasanya di kawasan sungai, iklimnya lebih stabil dengan kelembapan yang tinggi sesuai dengan aktiviti manusia.
- Kelembapan suhu 24 C-28 C.

6. Agama

- Sungai merupakan asas bagi kelahiran agama dan kepercayaan.
- Agama masyarakat Mesir percaya sungai sebagai tempat tinggal tuhan mereka.(Sg.Nil) sehingga Mesir mendapat jolokan Hadiah Sg.Nil.
- Masyarakat Indus menjadikan Sg. Indus dan Sg.Ganges sebagai tempat suci agama Hindu.
- Upacara mandi ritual diadakan bagi membersihkan diri daripada dosa oleh masyarakat di Lembah Indus

7. Perhubungan dan pengangkutan

- Sungai sebagai alat perhubungan dan pengangkutan. Contoh sg. Hwang Ho dan Sg.Nil alat perhubungan ke kawasan pedalaman Cina dan Mesir. Sg. Tigris/Euphrates alat perhubungan dan perkembangan Bandar pelabuhan seperti Bandar Urech, Ur di Babylon. -perkembangan Bandar dan taman seperti pelabuhan di sungai Indus.
- Selain daripada itu taman tergantung di Babylon mula dibina di kawasan sungai.
- Di Asia Tenggara sungai sebagai sumber pengangkutan hasil hutan seperti kayu balak, rotan, damar dari pedalaman ke pelabuhan utama seperti Srivijaya dan Majapahit.

8. Perdagangan

- Sungai memainkan peranan penting dalam menjalankan aktiviti perdagangan.
- Sungai merupakan jalan pengangkutan untuk membawa hasil keluaran untuk dieksport ke kawasan lain.
- Perdagangan antarabangsa juga dijalankan kerana sungai merupakan jalan pengangkutan utama.

9. Sempadan

- Sungai sebagai sempadan,pertahanan daerah dan negeri

Kesimpulan

- Apa-apa sahaja yang berkaitan

2. Dengan merujuk kepada tamadun Melayu dan Mesopotamia, bincangkan perkembangan sistem pentadbiran pusat dan wilayah.

Pendahuluan

1. Latar belakang Tamadun Melayu dan Tamadun Mesopotamia,.
2. Jelaskan konsep sistem pemerintahan dan pentadbiran
 - Nyatakan bentuk – bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh tamadun- tamadun ini.
3. Maksud pentadbiran pusat dan pentadbiran wilayah

Isi Jawapan

A). Tamadun Melayu

1. Pentadbiran Pusat

- Sultan atau raja pemerintah tertinggi- mempunyai kuasa suci dan berdaulat. Konsep devaraja
- Raja jelmaan dewa\ dewi. Raja sebagai penabung rakyat, pemimpin perang, menjalinkan hubungan diplomatik dan lambang kesatuan dan kebesaran negeri.
- Pembesar 2 menerima kewibawaan untuk memerintah- memberikan taat setia.
- Kedudukan raja dikukuhkan melalui konsep daulat (jelaskan) dan dikaitkan dengan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain
- Dalam pentadbiran sultan dibantu oleh jemaah penasihat-golongan bangsawan. Pembesar diberikan wilayah jajahan dan menjalankan pentadbiran seperti keadilan, pemerintahan dan pengutipan cukai.
- Pembesar mempunyai hak mengerahkan rakyat menjalankan kerja seperti membina jalan raya, parit, dan berkhidmat sebagai tentera.
- Dalam pentadbiran raja dibantu oleh Majlis Tertinggi- Bendahara, Temenggung, syahbandar dan Penghulu Bendarahi. Ahli majlis juga terdiri daripada Bentara dan Hulubalang.
- Peranan dan tugas pembesar utama seperti Bendahara, Temenggung, Laksamana, Peaghulu Bendahari, Syahbandar dan penghulu perlu dijelaskan.
- Di Kedah, Perak dan Pahang pembesar dibahagikan kepada beberapa kategori seperti Orang Besar Berlapan, Orang Besar 16 dan Orang Besar 32.

2. Pentadbiran Wilayah

- Empayar Melaka meliputi seluruh Semenanjung T\ Melayu dan Sumatera kecuali Aru dan Pasai.
- Terdapat 3 kumpulan pentadbiran di Melaka : Melaka sebenar (pusat pemerintahan) ,kawasan Takluk (jajahan) dan kawasan Uftian (pegangan)
- Pemerintahan di kawasan jajahan takluk adalah raja tempatan, anak2 tempatan, anak2 raja dari Melaka dan Mandelika. Pemerintahan jajahan takluk menyerahkan ufti, tenaga manusia dan ketenteraan serta mengadap raja hari2 kebesaran.

B). Tamadun Mesopotamia (10M)

1. Pentadbiran Pusat

- struktur pentadbirannya teratur dan diketuai oleh raja. Zaman Dinasti Awal ketua negara kota dikenali sebagai Ensi (gabenor). Raja dipilih oleh dewa negara kota dan mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.
- Raja berperanan sebagai panglima tentera, ketua pendeta dan ketua hakim. Untuk melicinkan pentadbiran raja dibantu oleh pesuruhjaya, ketua penyelia dan jurutulis.
- Zaman Ur ke 3, pemerintahan pusat juat- pegawai tertinggi di peringkat pusat (sukkal-mah) berperanan sebagai canselor.
- Zaman Hamurabi langkah2 sosial,pentadbirab dan keagamaan diambil untuk mengukuhkan kerajaan pusat. Beliau mengamalkan dasar kekerasan dan kesederhanaan.
- Gabenor 2 provinsi dikawal ketat dan segala tindakan mesti dimaklumkan kepada kerajaan pusat.
- Zaman Assyiria- raja berkuasa mutlak dan berkuasa dalam bidang keagamaan dan pentadbiran. Raja melantik gabenor provinsi, ketua pendita dan panglima perang di kalangan bangsawan.
- Pegawai2 kerajaan bertindak sebagai ketua Komander, pengawas istana, pemegang mohor diraja bertindak sebagai penasihat kerajaan pusat.

2. Pentadbiran Wilayah

- zaman Ur, empayar dibahagikan kepada 40 wilayah yang ditadbir oleh Ensi. Ensi dilantik oleh raja dan boleh ditukar dari wilayah ke wilayah lain. Wilayah tiada kuasa autonomi dalam bidang pemerintahan- tertakluk kepada arahan kerajaan pusat.
- Raja melantik sakkana di bandar2 Uruk,Mari dan Der- berperanan sebagai gabenor dan panglima tentera.wilayah dikehendaki membayar ufti tahunan dan ensi-ensi dikehendaki membekalkan binatang ternakan untuk dikorbankan dalam upacara-upacara keagamaan.
- Zaman hamurabi, gabnor-gabnor wilayah diawasi dan dikawal oleh kerajaan pusat.Hak memungut cukai dan mengendali kes-kes kecil diberi kepada Assembly of Elders diperingkat wilayah.
- Zaman Assyiria,gabenor-gebenor wilayah diberikan sedikit kelonggaran dalam

pentadbiran dan mereka dilantik oleh raja.

Kesimpulan

-Kedua-duanya mempunyai pentadbiran yang teratur

-Kuasa terletak pada raja dengan dibantu oleh pembesar /gabnor-menyebabkan wujudnya keamanan dan kemakmuran.

Apa-apa sahaja yang sesuai.

3. **Huraikan tentang faktor-faktor perubahan yang mendorong kepada kemunculan Negara Bangsa di Eropah.**

Pendahuluan (3 Markah)

1. **Negara** adalah satu badan atau autoriti dalam sesuatu wilayah yang menguruskan serta mengendalikan peraturan-peraturan dalam sesuatu masyarakat. Kerajaan yang mengubal dan menguruskan undang-undang itu telah diberi kuasa oleh masyarakat.
2. **Bangsa** pula adalah sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu kawasan dan mempunyai latar belakang, asal-usul, adat resam, kebudayaan, agama dan sistem politik.
3. **Negara bangsa** bermakna sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu wilayah yang mempunyai persamaan ideologi dan sistem pemerintahan yang berdaulat dan merdeka. Kebiasaannya, sifat etnik merupakan sifat terpenting yang digunakan untuk menyatupadukan satu bangsa. Kuasa untuk mentadbir dan memerintah dipegang oleh raja dan bukan di tangan golongan bangsawan lagi. Perubahan dan perkembangan politik di Eropah pada Zaman Pertengahan telah membawa kepada pembentukan negara bangsa. Pembentukan negara bangsa dapat dilihat di beberapa buah negara Eropah seperti Perancis, Sepanyol, Jerman dan England.

Isi-isi (7 isi x 3markah = 21 Markah)

1 Kemunculan Kesedaran Kebangsaan

Kesedaran kebangsaan adalah sifat utama bagi kemunculan negara bangsa. Pada zaman kemunculan negara bangsa, contohnya, seseorang yang dilahirkan di Perancis berfikir sebagai seorang Perancis dan bukan seorang Norman, Burgindian, dan lain-lain. Kuasa kedaulatan dipegang oleh raja (tidak lagi dikongsi) dalam satu unit politik yang besar dan kuat. Hal ini menyebabkan **penyingkiran hak-hak warisan dan kuasa golongan berkuasa yang lebih rendah** seperti **golongan bangsawan, autonomi tempatan** atau **wilayah, keistimewaan tradisi dan pemansuhan kuasa politik gereja Katolik Rom. Sistem feodal dan vassal ditamatkan.**

2. Keruntuhan Sistem Feodal

Sistem feodal dan keinginan raja untuk menegakkan kembali kuasanya telah mendorong pembentukan negara bangsa. Sistem feodal telah wujud di Eropah sejak keruntuhan empayar Rom pada abad ke 5 M. Hal ini telah menimbulkan susunan masyarakat yang berperingkat-peringkat seperti Raja, Vassal (golongan bangsawan) dan Self (petani dan rakyat biasa). Raja memiliki semua tanah dalam negara dan

baginda berperanan melindungi golongan bawahannya. Baginda telah memberi tanah kepada golongan bangsawan atau lord atau vassal sebagai tanda taat setia kepadanya. Sebahagian daripada hasil tanaman pula diberi kepada raja sebagai balasan. Lama-kelamaan kedudukan vassal semakin kukuh dan berkuasa. Kedudukan dan kuasa raja semakin kurang dan terpaksa bergantung kepada sokongan vassal-vassalnya. **Kesedaran raja untuk menegakkan semula kuasanya** telah menyebabkan raja menubuhkan **pasukan tentera yang kuat dan berperang dengan vassal-vassalnya**. Hal ini telah memulakan proses penyatuan kawasan persekitaran yang biasanya didiami oleh kelompok masyarakat dari bangsa yang sama.

3. Kesan Perang Salib

Perang Salib telah membawa kesan yang penting kepada proses pembentukan negara bangsa. Perang Salib berlaku antara **orang Kristian di Eropah** dengan **orang Islam di Timur Tengah** selama **200 tahun** (1095 M – 1291 M). **Tujuan utama** orang Kristian berperang dalam Perang Salib itu adalah untuk **membebaskan Baitul Muqaddis dan Palestin** daripada orang Islam. Paus (Pope) yang merupakan ketua agama Kristian telah meminta pemimpin negara-negara Eropah untuk membantu membebaskan tanah suci orang Kristian itu. Pemerintah-pemerintah di Eropah telah **mendapatkan bantuan ketenteraan** daripada **vassal-vassal untuk menyumbangkan tenaga serf** sebagai **tentera**. Hal ini telah menyebabkan **kekuatan ketenteraan vassal berkurangan**, lebih-lebih lagi apabila kebanyakan serf yang pulang daripada medan peperangan **tidak balik kepada vassal**. Mereka **berkunjung ke bandar-bandar**. Peluang ini telah **digunakan oleh raja-raja untuk mengukuhkan kedudukan** mereka. Mereka telah melaksanakan ekspedisi-ekspedisi ketenteraan untuk membawa vassal-vassal ke bawah kekuasaannya dalam usaha membentuk negara bangsa.

4 Kepentingan Perkembangan Bandar

Perkembangan bandar dan kepentingan yang dimainkan olehnya telah mengubah **sistem ekonomi tradisional** yang mementingkan **pertanian**. Perang Salib telah membawa kepada **pembentukan bandar-bandar baru dan kemunculan semula bandar-bandar lama**. Ekonomi bandar berkembang pesat dengan bertambahnya penduduk dan penggunaan wang. Golongan serf mulai berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Askar-askar yang balik dari medan peperangan juga tidak balik ke kampung mereka. Hal ini telah melemahkan kekuasaan vassal yang bergantung kepada penguasaan tanah serta kesetiaan serf di tanah kawalan mereka. **Kemerosotan kuasa vassal** telah **menambah kuasa dan pengaruh raja** yang berjaya **meluaskan kekuasaannya** ke seluruh negeri.

5. Kemunculan Golongan Pertengahan

Kemunculan dan perkembangan golongan pertengahan di bandar akibat kemajuan pesat dalam ekonomi perdagangan dan perindustrian telah menyebabkan **golongan**

pertengahan menyokong pemerintah yang kuat, yang boleh **menguatkuasakan undang-undang** dan **peraturan** untuk **menjamin kestabilan** dan **kemakmuran negara**. Mereka memerlukan **perlindungan** daripada sebuah kerajaan pusat yang berkesan. Mereka sanggup membayar **cukai** untuk mendapatkan **kestabilan politik** untuk menjalankan **perdagangan** dan **perniagaan**. Kepentingan dan pengaruh golongan bangsawan atau vassal telah digantikan oleh golongan pertengahan dan pengusaha. Raja kini boleh mengumpul lebih banyak wang melalui percukaian yang dikenakan ke atas golongan pertengahan. Sebagai balasannya, baginda dapat **menggaji tentera** dan **pegawai perkhidmatan awam** untuk memberikan **kelas pertengahan perlindungan** dan **bentuk kerajaan** yang mereka perlukan.

6. Institusi Kebangsaan

Penubuhan institusi kebangsaan juga memainkan penting dalam pembentukan negara bangsa. Kemajuan perdagangan dan ekonomi yang akibat Perang Salib menyebabkan sistem feodal tidak dapat memenuhi keperluan penduduk Eropah seperti menjamin keamanan dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam, khususnya di kawasan bandar. **Raja-raja di England** dan **Perancis** melihat perkembangan ini sebagai **memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan kuasa dan kawalan**. Mereka mula membentuk **institusi-institusi kebangsaan** bagi sebuah kerajaan, antaranya **pentadbiran pusat, tentera kebangsaan** dan **undang-undang kebangsaan**. Kesemua institusi ini merupakan **permulaan negara bangsa** dan membawa kepada **kemerosotan sistem feodal**.

7. Kemunduran Tamadun Eropah

Kesedaran raja-raja dan masyarakat Eropah tentang **kemunduran tamadun mereka** berbanding dengan **tamadun** dan **kegemilangan Islam** wujud apabila mereka **bertembung** dengan **tamadun Islam** semasa **Perang Salib**. Hal ini telah menyebabkan **bangsa Eropah** mula **bertekad** untuk **menghidupkan** kembali zaman **kegemilangan tamadun Yunani** dan **Rom**. Pertembungan kebudayaan Arab dan Eropah telah melahirkan hasrat untuk membawa **perubahan intelektual**. Kesedaran ini telah membawa kepada **tercetusnya hasrat** untuk mewujudkan **negara** yang **beridentitikan bangsa Eropah**.

8. Perkembangan Bahasa Kebangsaan

Pembentukan negara bangsa juga dibantu oleh **perkembangan bahasa kebangsaan**. Selagi orang Norman dan Burgundi bertutur dalam dialek Perancis yang berlainan, sukar bagi mereka untuk mewujudkan persatuan yang kukuh. Tetapi di zaman Renaisans yang wujud setelah Perang Salib berakhir, **buku-buku mula ditulis** bukan dalam **bahasa Latin** tetapi dalam **bahasa pertuturan** masyarakat berkenaan. Hal ini berlaku berikutan **penciptaan mesin pencetak**. Hal ini juga telah menyebabkan **penduduk** di kawasan **pedalaman Perancis** mula **bercakap** serta **berfikir** seperti

orang Perancis dan akhirnya berjaya mewujudkan **identiti yang sama** untuk **penduduk** di sesuatu wilayah. Keadaan ini telah **mempercepatkan kemunculan negara bangsa** di Eropah.

9. **Bermulanya zaman Renaissance**

Zaman ini berlaku ekoran pertembungan kebudayaan Yunani dengan tamadun Islam. Pertembungan ini menyebabkan orang Eropah mula mempersoalkan budaya lama mereka dan ingin sesuatu yang baru. Pembaharuan yang dibawa raja dalam bidang pentadbiran telah mendapat sokongan rakyat.

Kesimpulan (1 Markah)

Sebagai penutup, jelaslah pembentukan negara bangsa di Eropah berlaku akibat **perubahan** dalam **sistem ekonomi, politik** dan **sosial** yang membawa kepada **suatu fikiran baru**. Fikiran ini memerlukan perubahan politik untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang menimpa masyarakat Eropah. Dengan penubuhan negara bangsa, **tiap-tiap negeri** mengandungi **penduduk** yang berteraskan **satu bangsa, satu bahasa, satu kesusasteraan** dan **satu kesedaran kebangsaan** di bawah **pemerintah raja berkuasa mutlak**.

* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai

4. Terangkan konsep sara diri, komersil dan kapitalis. Huraikan sebab-sebab perkembangan sistem kapitalis di Eropah sehingga abad ke-18.

Pendahuluan :(3 Markah)

- Ekonomi : perkataan Yunani yang bermaksud peraturan rumah tangga
- Ekonomi : ilmu yang mengkaji tentang pengeluaran dan pertukaran kewangan dalam aktiviti manusia
- Pendapat Adam Smith : ekonomi sebagai kajian tentang sifat dan sebab-sebab kekayaan negara
- Jenis-jenis ekonomi : sara diri, sistem barter, komersil, perdagangan dan kapitalisme.

Isi :

Konsep Sara Diri, Komersil, dan Kapitalisme :(5 Markah)

Konsep Sara Diri :

- Sara diri menyediakan keperluan asas untuk kehidupan seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal melalui penerokaan terhadap sumber alam sekeliling melalui pemburuan dan pemungutan
- Petani yang menjalankan kegiatan pertanian berasaskan konsep sara diri adalah untuk keperluan keluarga dan kegunaan seharian
- Mereka menghasilkan pelbagai jenis tanaman makanan seperti padi, ubi, keladi, sayuran dan buah-buahn
- Kegiatan ekonomi sara diri juga meliputi kegiatan pengutipan dan pengumpulan hasil-hasil hutan seperti damar, rotan dan buah-buahan

Konsep Komersil :

- Komersil ialah aktiviti jual beli urus niaga sesuatu barangan dan perkhidmatan
- Sistem ekonomi komersil merupakan satu sistem yang menjalankan kegiatan penjualan dan pembelian barangan dan perkhidmatan secara besar-besaran
- Pengkhususan melibatkan pertukaran orientasi keuntungan hubungan luar dan pengumpulan modal untuk kepentingan persendirian

Konsep Kapitalisme :

- Sistem yang menggalakkan pengumpulan modal, kebebasan ekonomi, hak milik persendirian, kebebasan pasaran dan perniagaan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan
- Membolehkan individu atau kumpulan individu berusaha menambahkan kekayaan dengan melabur semua keuntungan
- Melibatkan sistem pembayaran upah kepada kaum buruh berdasarkan prinsip perniagaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan

- Sistem pengeluaran, pengedaran dan pertukaran secara besar-besaran yang bercorak baru.

Sebab-sebab perkembangan sistem kapitalis di Eropah sehingga abad ke-18

(15 markah)

1.Renaissance dan Reformasi :

- Gerakan Renaissance pada abad ke-14M dan Reformasi telah memperkembangkan sistem kapitalisme
- Perkembangan aliran pemikiran individualisme, humanisme, sekularisme dan rasionalisme telah melemahkan peranan agama dalam bidang ekonomi dan melahirkan masyarakat yang mementingkan kebebasan dan kekayaan kebendaan
- Masyarakat di bandar Milan, Venice dan Florence telah mendorong kepada kelahiran sistem ekonomi kapitalisme melalui aktiviti pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang

2.Fahaman Calvinisme :

- Gerakan Reformasi yang dibawa oleh John Calvin dalam pemikiran agama Kristian di Eropah telah mendorong kepada perkembangan ekonomi kapitalisme
- Ajaran Calvin membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras
- Fahaman ini menyebabkan negara Protestan mengenyepikan *Common Law* dan membolehkan pedagang membebaskan diri daripada kawalan paderi dan peraturan lama

3.Kemunculan Negara Bangsa :

- Raja-raja Negara bangsa merupakan penggerak kepada perkembangan sistem kapitalisme
- Setiap buah negara bangsa berlumba-lumba untuk mengumpulkan kekayaan
- Untuk tujuan tersebut penjelajahan dan penerokaan ke kawasan baru digalakkan.
- Putera Henry dari Portugal dan Raja Ferdinand dari Sepanyol telah membiayai dan memberigalakan kepada aktiviti tersebut

4.Dasar Mekantalisme :

- Revolusi perdagangan melalui campurtangan kerajaan negara bangsa pada abad ke-16 dan ke-17 telah menggalakkan pertumbuhan kekayaan dalam negara
- Menerusi dasar ini kerajaan berusaha mewujudkan sektor pertanian dan perindustrian yang produktif dan pasaran luar yang luas
- Untuk tujuan tersebut kerajaan mengadakan dasar melindungi pelabur dan pedagang tempatan
- Ratu Elizabeth (1558-1603) telah memperkenalkan akta seperti akta perantis 1563, undang-undang kemiskinan 1600 dan akta perkapalan 1650

5.Dasar Kolonialisme :

- Perluasan dasar merkantilisme membawa kepada koloni ke atas kawasan di Timur dan Amerika Latin
- Ini memperluaskan lagi sistem ekonomi kapitalisme
- Kekayaan koloni mengalir ke Eropah

6.Perkembangan Institusi Kewangan :

- Perkembangan industri bank berlaku setelah amalan riba diterima oleh masyarakat Eropah
- Menerusi institusi ini kemudahan pinjaman dan kredit (pembayaran melalui cek) membolehkan pedagang dan pelabur membuat pelaburan modal dengan membesarkan perniagaan mereka
- Kesannya lahir golongan kapitalis yang terdiri daripada pemilik kilang, tuan tanah dan pengusaha lombong
- Di samping itu sistem bank juga merupakan satu perniagaan yang menguntungkan
- Keuntungan yang diperolehi melalui pinjaman , pelaburan dan pertukaran wang telah melahirkan golongan kapitalis
- Keluarga Fuggers dan Ausgurg dan Medici merupakan keluarga yang terkenal dalam perniagaan institusi kewangan di Eropah

7.Perubahan dalam organisasi perniagaan :

- Di zaman pertengahan aktiviti perdagangan dan pengeluaran dimiliki oleh individu dan keluarga
- Kesatuan tukang dan kesatuan dagang terikat dengan peraturan adat yang lebih mementingkan kebajikan sosial
- Bermula pada abad ke-16 berlaku perubahan dalam organisasi perniagaan dan penubuhan syarikat perniagaan regulated (PR) dan joint stok (JS)
- Ahli PR mengeluarkan modal dan menanggung kerugian
- JS ialah syarikat yang modalnya disumbangkan oleh pemegang saham awam dan diuruskan oleh badan pengarah
- Syarikat Eastland (1576) merupakan syarikat regulated yang berdagang di laut Baltik
- Syarikat Hindia Timur Inggeris (1660) merupakan syarikat JS yang terkenal
- Dengan modal yang besar dan kedudukan yang kukuh membolehkan syarikat menyediakan kemudahan perdagangan dan mendapatkan perlindungan ketenteraan
- Kewujudan organisasi tersebut memperkukuhkan lagi sistem ekonomi kapitalisme di Eropah

Kesimpulan :

- Sistem ekonomi kapitalisme semakin penting di Eropah Barat apabila berlakunya.
- Revolusi Industri yang bermula pada abad ke-18.
- Menerusi sistem ini Negara Eropah menjadi kaya dan menguasai ekonomi dunia

5. Bincangkan idea pemikiran ketenteraan Kautilya pada abad ke 3 SM dengan Niccolo Machiavaeli pada abad ke 16 M

Pengenalan (3 Markah)

1. Pemikir tentera

- a. golongan yg telah memberi sumbangan yang berharga kepada pertahanan Negara.
- b. Mengemukakan cara-cara bagaimana pemerintahan boleh mengekalkan kekuasaan melalui ketenteraan
- c. Biasanya kaedah yang diperkenalkan bertentangan dengan nilai moral dan kemanusiaan

2. Kautilya

- a. seorang menteri Brahmin pd zaman empayar Maurya awal abad ke 3 SM
- b. idea dikesan melalui bukunya 'Arthashastra/ Science of Gain/Power'
- c. digunakan oleh ramai pemerintah di India spt Maharaja Asoka dan Maharaja Chandra Gupta Maurya; dlm usaha penaklukan dan peluasan wilayah
- d. ideanya dikaji oleh tokoh pemikir tentera moden dan digunakan dalam Negara mereka spt Napoleon Bonaparte (Perancis), Otto Von Bismark (Jerman), Maa Tze Tong (China)

3. Niccolo Machiavaeli

- a. tokoh pemikir tentera moden pada abad ke 16 M
- b. berasal dr Itali
- c. menghasilkan byk buku-buku berkaitan dengan politik dan ketenteraan
- d. buku terkenal – The Prince (Penguasa) dan Art of War (Seni Peperangan)

Isi-isi Penting

Idea ketenteraan Kautilya (10 markah)

1. Tentang hubungan antara Negara dengan wilayah/tanah jajahan berasaskan kepada 6 pertimbangan

- i. Keamanan
- ii. Peperangan
- iii. Menunggu masa untuk musuh memulakan serangan
- iv. Menyerang dahulu
- v. Mengadakan persekutuan dengan musuh
- vi. Dasar duaan iaitu persekutuan dengan satu pihak dan berperang dengan pihak yang lain

2. Empat cara untuk menang peperangan

- i. Pujukan melalui ucapan yang menawan hati

- ii. memujuk dengan memberi rasuah
- iii. Semai benih perpecahan untuk melemahkan musuh
- iv. Jika gagal usaha-usaha tersebut barulah berperang

3. Sifat seorang penakluk

- i. Harus mengetahui tentang kekuatan tenteranya dengan kekuatan musuh
- ii. Kemahiran dalam mengadakan komplot lebih baik daripada kegagahan dan kehandalan berperang
- iii. Jika peperangan tidak ada kemenangan dan memakan masa yang panjang, raja perlu guna jalan lain yang tidak jujur seperti sabotaj, rasuah, guna pelacur dll.

4. Kaitan dengan spiritual dan keagamaan

- i. Berjuang hingga mati untuk mencapai matlamat spiritual
- ii. Kematian dalam peperangan bertujuan untuk membebaskan diri dari rantai kelahiran semula dan capai Nirwana

Idea ketenteraan Machiavaeli (10 Markah)

1. Cara Mengekalkan Kuasa :

- Machiavelli menyatakan cara seseorang pemerintah mengekalkan kuasa. Seseorang pemerintah harus bersifat liberal, berperikemanusiaan dan mencintai kebenaran. Bagi mengekalkan kedudukan, pemerintah harus melakukan apa sahaja termasuk perbuatan keji dan tidak berperikemanusiaan.
- Menurut Machiavelli, matlamat menghalalkan cara. Raja harus bertindak tanpa ragu-ragu terhadap pengikut yang tidak jujur dan musuh.

2. Memperkenalkan falsafah politik nasionalisme yang menimbulkan kebencian, peperangan, imperialisme, sifat tamak, kejam tidak berperikemanusiaan dan sbgnya. Kesannya lahir pemimpin raja2 bangsa yang tamak, zalim, gila kuasa, berlaku perang saudara dan sbgnya

3. Melalui buku Art of War – menekankan asas setiap Negara adalah undang-undang dan senjata yang baik. Seorang putera raja tidak harus ada sebarang objektif atau pemikiran melalui cara berperang, cara diorganisasikan dan disiplin. Banyak dipraktis di Perancis dan di Sepanyol pd abad ke 16M.

4. Prinsip-prinsip utama dalam ketenteraan adalah spt berikut:

- i. menghasilkan sebuah pasukan tentera yang berasaskan berjalan kaki
- ii. mengutuk tentera yang bekerja semata-mata untuk wang
- iii. pasukan tambahan tidak sesuai untuk mentadbir
- iv. menolak pembinaan kubu kerana ia membawa kemusnahan

v. melakukan perang yg agresif melalui kuasa berperang dengan senjata meriam dan askar berkuda

5. Menjelang abad ke 16 semua usaha untuk mendapat perlindungan mutlak di medan peperangan di hapuskan spt zmn tentera berkuda dan baju besi. Baju direka utk melindungi bahagian tubuh badan yang penting sahaja. Penekanan kpd senjata2 yang superior.

6.Sokongan Rakyat :

- Pemerintah baru harus mendapat sokongan daripada golongan penentang pada peringkat permulaan. Sokongan tidak berbelah bahagi akan diperolehi daripada mereka yang berpuas hati dengan pemerintah baru.

7.Bantuan Luar :

- Kejayaan dalam peperangan bergantung kepada kekayaan dan bantuan ketenteraan serta kewangan dari luar.

Kesimpulan

Kedua-dua idea ketenteraan ini mendapat sambutan dpd pemimpin sezaman mereka. Kedua-duanya memperkenalkan konsep idea ketenteraan yg saintifik dan mempunyai persamaan iaitu mengutamakan falsafah ‘matlamat menghalalkan cara”

Kautilya dan Niccolo Machiavelli merupakan antara pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan dalam bidang ketenteraan. Tokoh-tokoh ini mengemukakan idea ketenteraan melalui karya mereka iaitu *Arthasastra* (Kautilya), *The Prince, Art of War* dan *Discourse* (Niccolo Machiavelli). Idea yang disarankan oleh tokoh-tokoh ini membantu pemerintah dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap.

6. Bincangkan perkembangan institusi pendidikan dalam tamadun Melayu pada zaman sebelum dan selepas kedatangan Islam.

Pendahuluan (3 markah)

- instiusi pendidikan merupakan organisasi berperanan mengurus serta mentadbir sistem Pendidikan secara sistematik dan terancang.
- Perkembangan institusi pendidikan di alam Melayu dapat dikesan sejak zaman Hindu-Budha lagi
- Selepas kedatangan Islam bermula era baru dalam dalam sistem pendidikan di Alam Melayu

Isi Jawapan (20 markah)

Sebelum Kedatangan Islam (10 markah)

- Dipengaruhi oleh agama Hindu-Budha. Institusi-institusi yang muncul pada zaman ini dipengaruhi oleh agama Hindu-Budha
- Pusat-pusat pengajian terdiri daripada istana dan kraton di raja. Menekankan pembelajaran bahasa Sanskrit dan kitab-kitab Hindu-Buddha. Antara teks yang dipelajari ialah *Narayanatha Rvasirsopanisad* dan *Veda-parikrama-Sarasamkitaranai* yang kandungannya mengenai amalan pemujaan harian dan mantera. Selain teks Sanskrit terdapat juga teks jawa kuno dan Bali
- Pendidikan pada zaman itu dimonopoli oleh golongan bangsawan dan kerabat diraja. Rakyat jelata p&p dijalankan secara tidak formal, yang mana institusi keluarga memainkan peranan dalam mendidik anak-anak tentang nilai-nilai budaya, adat istiadat, pantang larang dan kemahiran dlm pertukangan dan pekerjaan lain.
- Zaman Hindu- Budha juga menyaksikan kemunculan institusi pengajian tinggi Budhha di Nusantara, antaranya Srivijaya pada abad ke -6 M. Srivijaya juga menjadi pusat latihan rahib-rahib Budha
- Ramai sarjana Budha yang terkenal seperti Dharmapala, Vajrabodhi dan Amoghavajra pernah

menuntut ilmu di Srivijaya

Selepas Kedatangan Islam (10 markah)

- muncul sistem pendidikan yang sistematik dan terancang. Sebelum kemunculan pendidikan formal, kanak-kanak mendapat Pendidikan secara tidak formal di rumah
- Selepas kemunculan sistem pendidikan , kanak-kanak dihantar ke institusi-institusi Pendidikan formal untuk menimba ilmu
- Institusi Pendidikan formal terdiri daripada rumah-rumah ulama, masjid, madrasah, sekolah-sekolah pondok dan istana raja.
- Istana merupakan salah satu institusi pendidikan yang memainkan peranan penting sebagai pusat Pendidikan dan pengajian Islam di Alam Melayu. Istana raja-raja Melayu memainkan peranan sebagai pusat pengajian, penterjemahan, pengumpulan karya atau manuskrib dan pusat pertemuan cendiakiawan serta para ulama.
- Istana Pasai merupakan pusat pengajian Islam yang terulung pada abad ke -14 masihi. Perbincangan dan perdebatan sering dilakukan di istana raja yang disertai oleh para ulama dan pemerintah.
- Melaka juga memainkan peranan sebagai pusat pengajian agama Islam pada abad ke 15M. Putera-putera dari seluruh Nusantara mengunjungi Melaka untuk mendalami Islam. Juga termasuk Sultan Melaka sendiri seperti Sultan Mansur Syah dan Sultan Mahmud Shah serta pegawai-pegawai kerajaan.
- Di Aceh , istana juga memainkan peranan sebagai pusat pengajian ilmu tasawuf.. Para pemerintah Aceh seperti Sultan Iskandar Thani dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam memberikan galakan dalam perkembangan ilmu ini. Ini menyebabkan munculnya ramai tokoh-tokoh tasawuf seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumaterani dan Nuruddin al- Raniri yang mendapat naungan daripada Sultan Aceh.
- Istana juga berfungsi sebagai perpustakaan, tempat penyalinan dan penterjemahan karya-karya Arab. Tokoh-tokoh ulama ini memberi sumbangan dalam menghasilkan karya-karya sejarah dan agama. Cintohnya Tun Sri Lanang menulis *Sulatus al-Salatin* manakala Raja Ali Haji mengarang buku *Tuhfat al-Nafis*.
- Selain istana, masjid dan surau juga memainkan peranan yang penting sebagai pusat pendidikan. Menurut Ibnu Batutah, Pasai merupakan negeri Islam terawal yang menggunakan masjid sebagai pusat pendidikan. Pendidikan di masjid adalah bersifat formal. Guru-gurunya terdiri daripada ulama-ulama yang datang dari Arab, Parsi, India, dan negara-negara lain. Pengajian dijalankan menggunakan kitab-kitab yang ditetapkan oleh guru. Mereka juga akan mempelajari al-Quran dan Fardu Ain. Selain itu, mereka juga diajar Qasidah. Pada waktu

malam, masjid digunakan untuk pengajian orang dewasa. Matapelajaran yang diajar ialah fikah, usuluddin, tasawuf, hadis, tafsir dan lain-lain.

-
- Di samping masjid dan surau, madrasah juga berfungsi sebagai pusat pendidikan. Madrasah didirikan di setiap kampung dan merupakan pusat pendidikan rakyat. Di madrasah, kanak-kanak menerima pendidikan formal daripada guru dan dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, sistem monitorial dipraktikkan. Guru-guru akan dibantu oleh pelajar-pelajar senior dan mereka akan mengendalikan kelas jika guru tiada. Antara matapelajaran yang diajar di madrasah ialah bacaan al-Quran, tajwid, pelajaran sembahyang dan lain-lain.
- Selain itu, sekolah-sekolah pondok juga memainkan peranan dalam perkembangan ilmu pengetahuan di Alam Melayu. Sekolah-sekolah pondok ini dikenali sebagai Dayah (Aceh), surau (Minangkabau), Pesantren (Jawa) dan Pengajian (Sulawesi). Sekolah-sekolah pondok didirikan oleh golongan ulama dan dan ianya berfungsi sebagai pusat pengajian Islam bagi rakyat jelata. Selain ilmu agama, pelajar-pelajar sekolah pondok didedahkan dengan matapelajaran kesusasteraan Arab, ilmu falak, sejarah, akhlak, mantik dan matematik. Guru-guru sekolah pondok terdiri daripada ulama yang mendapat pendidikan di Makkah dan mereka tidak mendapat gaji cuma menerima bayaran zakat daripada orang ramai. Pelajar-pelajar lulusan pondok akan melanjutkan pelajaran ke Makkah dan setelah tamat pengajian, mereka akan bertugas sebagai guru-guru agama.
- Terdapat satu lagi institusi pendidikan yang mempunyai persamaan dengan institusi pondok dan pasantren iaitu Rangkang. Rangkang merujuk kepada lembaga-lembaga pendidikan yang mempunyai tingkatan. Pelajar-pelajar yang menuntut di institusi ini akan naik ke tingkatan yang lebih tinggi berdasarkan pencapaian mereka. Pelajar-pelajar di tingkatan yang lebih tinggi akan menerima bimbingan daripada guru-guru yang terkenal. Antara subjek-subjek yang diajar di Rangkang adalah ilmu kalam, falsafah, tasawwuf, tajwid, al-Quran, hadis dan tatabahasa Arab.
- Selain Rangkang, terdapat juga institusi pendidikan tinggi yang dikenali sebagai Jamiah Bait Ar-Rahman. Pelajar-pelajar lulusan sekolah pondok dan Rangkang berpeluang melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi. Pelajaran di sini tidak terhad kepada subjek agama semata-mata tetapi juga meliputi subjek-subjek sekular. Antara subjek-subjek yang diajar termasuk perubatan, pertanian, pentadbiran, matematik, ilmu kewangan, pertukangan besi, undang-undang dan ilmu peperangan.

Kesimpulan (2 markah)

- Apa sahaja yang sesuai

7. Bandingkan sumbangan Marco Polo dan Ibn Battutah dalam bidang pelayaran dan penjelajahan.

Pengenalan : (3 Markah)

1. Marco Polo merupakan seorang pedagang dan pengembara yang berasal dari Venice, Itali. Beliau berasal daripada keluarga Polo yang terkenal kerana penglibatan dalam bidang perdagangan di Timur Tengah.

Marco Polo memulakan ekspedisi pertama dengan menyertai bapanya Niccolo Polo dan bapa saudaranya Maffeo Polo ke China pada tahun 1271 M. Beliau menyertai aktiviti penerokaan dan penjelajahan selama 24 tahun.

2. Nama sebenar Ibn Battuta ialah Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim al-Lawati . Dilahirkan di Tamjah @ Tenger sebuah daerah di Magribi pada tahun 703H/1304M. Memulakan pengembaraannya ketika berusia 21 tahun .

Hasil pelayarannya tercatat dalam sebuah buku yang bertajuk Rihlah yang dianggap sebagai dokumen sejarah yang terkenal untuk kajian sosial, ekonomi, politik dan budaya di dunia Islam pada kurun ke-14 M. Beliau ialah seorang ilmuwan dalam bidang pelayaran, agama dan bahasa.

Beliau telah mengembara ke seluruh negara Islam seperti Mesir, Arab, Iran, Iraq & India, Asia Timur seperti Anatolia dan China . Keseluruhan pengembaraan 120 000 kilometer antara tahun 1325-1353 M.

Isi –isi penting. (20 Markah)

Sumbangan Marco Polo.

1. Lawatan ke China :

- Beliau menyertai ekspedisi ayahnya, Niccolo Polo ke China ketika berusia 17 tahun. Dalam perjalanan, beliau melalui negara Parsi , Hormuz, Kermen. Belkh, Lembah Oxus, Pamir, Kashgar, Yarkhand, Khotan dan Lob Nor ke China.

2. Berkhidmat sebagai duta :

- Marco Polo berkhidmat dengan Maharaj Kublai Khan selama 17 tahun dan dilantik sebagai duta ke kawasan jauh seperti Shansi, Shensi, Szechuan, Yunan, Tibet dan Burma. Mengetuai misi diplomatik ke Tanah Melayu, Sumatera, Tibet dan Sri Lanka.

3. Menulis kemajuan peradaban timur :

- Marco Polo berpeluang melihat kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat China dan mencatatnya dalam buku *The Travels of Marco Polo*. Antara kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa China ialah penggunaan wang kertas, pencetakan blok, penggunaan asbestos, peleburan arang batu dan pembangunan bandar-bandar besar.
- Orang China juga menghasilkan serbuk letupan, mencetak buku dengan menggunakan blok kayu berukir. Maklumat tentang kemajuan peradaban China mempengaruhi masyarakat Eropah khususnya dalam bidang ekonomi.

4. Catatan tempat-tempat yang dilawati :

- Marco Polo juga melawat banyak tempat-tempat dalam perjalanan pulang dari China. Antaranya ialah Sumatera, Sri Lanka, Koromandel, Gujerat, Hormuz, Parsi, Tabriz, Trebizond dan Constantinople.
- Beliau juga menulis catatan tentang tempat-tempat yang dilawati, membuat catatan tentang pertanian, rempah ratus, pertukangan, penduduk dan agama masyarakat China.

5. Menulis kitab pengembaraan :

- Beliau menulis sebuah buku berjudul *The travels of Marco Polo* ketika berada dalam tahanan di Genoa. Buku ini diterjemahkan dalam bahasa Latin, Sepanyol dan Inggeris. Buku ini menjadi sumber rujukan bagi para pengembara Eropah khususnya dari negara Portugal dan Sepanyol untuk melakukan ekspedisi menjelajah ke luar.
- Maklumat yang terkandung dalam buku ini mendorong pelayar-pelayar Eropah seperti Christopher Columbus mencari jalan laut ke timur. Mubaligh-mubaligh Kristian seperti Friar Odoric dan John Monte Corvino tertarik untuk pergi ke China selepas membaca buku tersebut.

6. Sumbangan dalam bidang geografi :

- Maklumat tentang ilmu geografi yang terdapat dalam buku beliau membantu pelayar-pelayar Eropah melancarkan ekspedisi dan menghasilkan peta dunia yang lebih tepat daripada peta yang dihasilkan oleh Ptolemy pada abad pertama masihi.

7.Mendorong bangsa Eropah melakukan penjelajahan :

- Penulisan Marco Polo telah merubah pemikiran bangsa Eropah terhadap kegiatan penjelajahan dan penerokaan. Buku ini menyebabkan para pemerintah mula memberi dorongan kepada pelayar-pelayar untuk melakukan aktiviti penjelajahan dan penerokaan.
- Raja Henry telah mengasaskan satu institusi pelaut untuk menggalakkan orang Portugis terlibat dalam aktiviti penjelajahan dan penerokaan.

8.Merapatkan hubungan antara Barat dengan timur :

- Maklumat tentang dunia timur khususnya negara China oleh Marco Polo telah menyebabkan orang Eropah berlumba-lumba untuk melancarkan ekspedisi ke China.
- Antara mubaligh Katholik melawat China seperti Giovanni de Montecorvino, Marignolli dan Pegolotti.

Sumbangan Ibn Battutah.

1. Pertambahan Ilmu Geografi

- Ibn Battutah berjaya mengembara hampir ke semua negara Islam termasuk Mesir, Syria, Arabia, Iraq, Iran , India (semasa pemerintahan Muhammad Ibn Tughluq), China dari Chuan Chou ke Peking, Kepulauan Nusantara dan juga Constantinople.
- Catatannya tentang negeri2 tersebut telah mendalami pengetahuan geografi tempat2 itu.
- Beliau juga telah mengembara sejauh 75,000 batu di antara tahun 1325 hingga tahun 1353 Masihi.

2. Pensejarahan

- Beliau berjaya menemui ramai pemerintah, wazir dan juga pegawai-pegawai tinggi yang majoritinya boleh dipastikan dengan sumber2 lain.
- Hubungannya dengan mereka tercatat dalam bukunya “Rihlah” (Pengembaraan Ibn Battutah) yang boleh dianggap sebagai dokumen sejarah.
- Dalam buku itu aspek sosial, ekonomi dan politik boleh didapati terutamanya yang berkaitan dengan dunia Islam.
- Banyak diketahui tentang Anatolia, India di bawah pemerintahan Muhammad ibn Tughluq, Afrika Timur dan Barat dan Maldives.

3. Memberi sumbangan kepada ilmu Sejarah

- Contoh ; Pengislaman Nusantara, India dll.

4. Sumbangan terhadap ilmu sosiologi dan antropologi (budaya masyarakat), pakaian, makanan dll.

5. Bidang ekonomi

- Terutama kegiatan ekonomi

6. Perkembangan dalam bidang ekonomi politik pembesar di India dan Aceh

- Catatan ini lakukan ketika Ibn Battutah singgah di India pada tahun 1333M.
- Di sini beliau pernah dilantik menjadi kadi besar di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Tughluq.
- Beliau juga pernah singgah di Pasai , Utara Sumatera dan bertemu dengan Sultan Malik al- Zahir yang memerintah kerajaan Pasai.

7. Semangat mengembara kepada orang Islam

- Pengembaraannya telah memberikan nafas baru kepada pengembara2 lain mengikut jejak langkahnya.
- Beliau digelar oleh para orientalis sebagai “The Prince of Muslim Travellers”.
- Pengembaraannya selama 28 tahun juga meletakkan beliau setaraf dengan pengembara2 terkenal seperti Marco Polo.

Kesimpulan (2 markah)

1. Ibn Battutah adalah seorang tokoh pengembara dan ahli pelayaran Islam yang terkenal pada zaman pertengahan.

2. Pengalaman pengembaraannya selama 28 tahun telah dibukukan dan membuka minda masyarakat Eropah.

3. Marco Polo telah memberikan sumbangan besar dalam mendedahkan kekayaan peradaban timur kepada masyarakat Eropah.

4. Kejayaan Marco Polo memberi inspirasi kepada pelayar-pelayar Eropah melancarkan ekspedisi penjelajahan dan penerokaan pada abad ke-15 dan 16 M.

8. **Kewujudan Organisasi Sosial di Lembah Indus dan China agak unik berbanding dengan tamadun-tamadun lain. Bincangkan ciri-ciri Organisasi Sosial kedua-dua tamadun berkenaan bagi membuktikan pencapaian ketamadunan masyarakat tersebut.**

Pengenalan

Definisi Organisasi Sosial (3 Markah)

1. Organisasi sosial merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa kekayaan ,gaya hidup, pekerjaan ,dan sebagainya. Melvin Tumin menyatakan organisasi sosial merujuk kepada penyusunan kelompok masyarakat dalam satu lapisan kedudukan yang berbeza dari segi kuasa, harta ,penilaian sosial, dan kepuasan rohani.
2. Kewujudan organisasi sosial sememangnya dapat dikesan sejak Zaman Neolitik berikutan berlakunya perubahan cara hidup masyarakat yang mula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian yang telah menimbulkan pelbagai kelas dalam masyarakat sama ada pemerintah dan paderi yang menggunakan autoriti dan kuasa agama untuk menguasai hasil ekonomi negara diikuti munculnya golongan tentera untuk melindungi kekayaan dan kepentingan negara serta kelas yang paling bawah biasanya petani dan hamba yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil- hasil ekonomi negara.
3. Pendek kata, dengan wujudnya organisasi sosial dalam sesebuah masyarakat amalan pengkhususan kerja dapat diamalkan seterusnya pasti membawa kepada kelancaran melaksanakan sesuatu aktiviti termasuk kegiatan ekonomi.
4. Lokasi Tamadun Indus dan China boleh dikemukakan.

Isi-isi penting.

A) Organisasi sosial di Lembah Indus dan kepentingannya (10 Markah)

1. Golongan Pendeta

- Disebabkan tidak adanya sistem pemerintahan beraja, maka tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran negara dipikul atau diamanahkan kepada golongan pendeta yang dianggap golongan yang suci serta mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tuhan ataupun dewa.
- Dari segi pentadbiran dan perundangan misalnya, golongan pendeta bertanggungjawab menggubal serata melaksanakan peraturan dan undang –undang yang pada amnya lebih bersifat keagamaan berdasarkan kitab-kitab suci mereka.
- Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi, kerana institusi agama(kuil)mempunyai tanah-tanah pertanian yang luas akan dikerjakan oleh golongan petani ataupun hamba.

- Golongan ini juga bertanggungjawab mengagihkan hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan dalam jelapang.
- Dari segi sosial pula, tanggungjawab kebajikan yang dipikul oleh golongan ini ialah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya.

2. Golongan Pedagang

- Merupakan satu lagi kelas yang diletakkan dalam kategori kelas atasan dalam masyarakat di lembah Indus. Golongan ini sebagaimana golongan pendeta hidup dalam keadaan mewah dan mempunyai pekerja-pekerja yang terdiri sama ada golongan buruh yang merdeka atau hamba.
- Golongan ini dapat menjalani kehidupan yang mewah kerana urusan perdagangan yang dijalankan oleh mereka adalah bebas , iaitu tiada campur tangan golongan pendeta serta dikecualikan daripada membayar cukai.
- Para pedagang ini juga mempunyai cop-cop mohor yang mempunyai lambang bercorak keagamaan yang menandakan kekayaan yang dimiliki serta dipercayai menjadi azimat yang ada kuasa sakti

3. Golongan bawahan

- Sebagaimana yang dinyatakan diawal tadi, golongan bawahan masyarakat dilembah Indus terdiri daripada golongan petani, buruh dan hamba
- Golongan petani biasanya tinggal dirumah-rumah keci ataupun yang disediakan oleh golongan pedagang, biasanya rumah tersebut hanya mempunyai 2 buah bilik.
- Segala kerja pertanian yang dijalankan oleh golongan petani akan diawasi oleh para pendeta.
- Sementara golongan buruh pula biasanya akan menjalani tugas-tugas seperti menghantar bijirin, membina tembok, dan menenun kain.
- Manakala kerja-kerja seperti mengumpul, menyimpan bijirin yang dihasilkan oleh petani dijalankan oleh hamba.

4. Kedudukan Organisasi Sosial selepas kedatangan orang-orang Aryan

- Dengan kedatangan orang-orang Aryan sistem sosial masyarakat di sini kini dipengaruhi oleh sistem kasta. Sistem ini mengklasifikasikan penduduk mengikut pekerjaan mereka.
- Golongan yang paling tinggi dalam masyarakat dikenali sebagai Brahman yang berurusan dalam soal keagamaan serta spiritual dan mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang politik dan pemerintahan
- Golongan kedua pula katria yang bertanggungjawab pula menjalankan tugas-tugas ketenteraan seperti memberikan perlindungan kepada Brahman dan menghadapi musuh tatkala diancam

- Seterusnya pula golongan Vaisya yang biasanya dirujuk kepada golongan yang mempunyai kekayaan khasnya golongan pedagang
- Manakala kasta yang paling rendah di antara 4 kelas ialah sudra iaitu biasanya merujuk kepada golongan petani
- Kasta- kasta yang diamalkan di sini amat rigid, menyebabkan pergaulan antara kelas atasan dan bawahan adalah amat terbatas

B) Organisasi sosial masyarakat China (10 Markah)

1. Golongan raja

- Merupakan kelas tertinggi dalam masyarakat China, merupakan sumber kekuasaan dan mempunyai 'supreme authority' sebagaimana peranan firaun di Mesir.
- Antara tugas raja di China ialah menjadi sumber undang-undang negara; segala arahan dan perintah raja mesti dilaksanakan ,menjadi ketua agama, ketua kerajaan dan hakim ,mengetuai upacara agama, melantik ketua pelbagai jenis agama dan kepercayaan, dan juga melantik pegawai pentadbir untuk melicinkan struktur pentadbiran
- Seseorang yang dilantik menjadi raja dipercayai mendapat mandat dari tuhan atau syurga seandainya berlaku bencana alam seseorang raja itu harus ditukar sama ada secara baik ataupun melalui pemberontakan
- Pun begitu kebanyakan tugas raja dijalankan oleh wakil-wakilnya atas nama baginda, biasanya golongan aristokrat atau bangsawan dalam masyarakat China.

2 .Golongan Aristokrat

- Merupakan pembantu utama raja, dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sistem politik dan sosial masyarakat China
- Pada zaman dinasti Shang, golongan ini memonopoli penggunaan gangsa dalam bentuk alat2 ritual dan senjata
- Sesuai dengan tarafnya, golongan ini membina rumah kediaman berhampiran rumah ibadat yang biasanya dikelilingi oleh tembok sebagai langkah keselamatan
- Pada zaman Dinasti Chao golongan ini amat berpengaruh, mempunyai banyak pengikut serta tanah-tanah yang dikerjakan oleh petani sesuai dengan sistem feudal yang diamalkan pada masa itu

3. Golongan yang diperintah

- Dari segi pekerjaan masyarakat China dapat dibahagikan kepada 4 kelas, kelas yang tinggi darjatnya ialah golongan cerdik pandai yang berperanan memberi nasihat kepada raja dan masyarakat berhubung dengan pentadbiran serta tingkah laku
- Sesuai dengan penguasaannya dalam ilmu-ilmu tertentu, maka tidak hairanlah

golongan ini terlalu dipuja oleh masyarakat

- Golongan inilah yang bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai aliran pemikiran di China seperti confucianisme, taoisme, legalisme, moisme, dan monciusme.
- Golongan yang kedua terpenting dalam masyarakat china yang menjadikan organisasi di sini agak unik ialah petani. Mereka dianggap kumpulan mulia kerana membekalkan makanan yang merupakan asas kepada kehidupan manusia.
- Kelas seterusnya ialah golongan artis @ tukang-tukang yang mahir yang bertanggungjawab menghasilkan monumen – monumen tertentu.
- Akhir sekali dalam kelas masyarakat ini ialah golongan pedagang yang diletakkan di tangga terbawah kerana mereka di anggap penipu serta mengaut keuntungan daripada rakyat, tidak seperti kawasan lain tetapi tidak dipandang tinggi oleh masyarakat.
- Bagi masyarakat china selain pedagang dipandang rendah satu lagi kumpulan yang lebih hina kedudukannya iaitu terdiri daripada pelakon, pelacur serta hamba tidak mempunyai tempat di sisi masyarakat.
- Ditinjau dari aspek kekeluargaan pula golongan pembesar dan kerabat diraja pula tidak dibenarkan berkahwin lebih dari seorang perempuan. Golongan wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki, hanya lelaki mempunyai kuasa menceraikan isteri

Kesimpulan : Apa-apa yang berkaitan (2 Markah)

- Mana- mana yang sesuai.

BAHAGIAN B

9. Huraikan golongan masyarakat yang terdapat pada Zaman Bani Umayyah.

Pendahuluan (3 Markah)

1. Kerajaan bani Umayyah memerintah selepas zaman khulafa' al-Rasyidin.
2. Nama Bani Umayyah bersempena dengan nama pemimpin Quraisy terkenal pada zaman Jahiliyah iaitu Umayyah bin Abd.Syam binAbd.Manaf.
3. -perlantikan Saidina Uthman bin Affan merupakan permulaan pengasasan kerajaan Bani Umayyah.Pemecatan membawa kepada perang Siffin seterusnya ditamatkan dengan Majlis Tahkim, yang membuka ruang kepada Bani Umayyah memerintah Negara Islam.
4. Zaman pemerintahan bani Umayyah boleh dibahagikan kepada Zaman Kelahiran, Zaman Kemakmuran/Pembangunan dan Zaman kehancuran.

Isi : (20 Markah)

Golongan pemerintah :

1. Golongan ilmu terdiri daripada khalifah dan pembesar-pembesar Arab berbeza dengan pemerintahan khulafa' al-Rasyidin , kerajaan Bani Umayyah menggunakan
2. Sistem pewarisan dalam perlantikan khalifah-khalifah baru . jawatan khalifah telah menjadi hak milik keturunan Umayyah dari keluarga Abu Sufyan dan Marwan. Amalan ini telah melahirkan masyarakat pemerintah.
3. -sanak saudara dan kaum kerabat, keturunan Umayyah pula menjadi kelompok Bangsawan dan mempunyai beberapa kelebihan sosial dan politik.

Golongan Mawali :

Hamba yang telah memeluk Islam.dianggap sebagai masyarakat kelas kedua. Namun begitu ada beberapa orang golongan Mawali berjaya menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan bani Umayyah seperti maymun bin Mihran(Pengarah Jabatan Cukai di Mesopotamia)hanya layak bekerja sebagai buruh kasar dan petani.tidak dibenarkan berkahwin dengan orang Arab. Tidak boleh solat jemaah dengan orang Arab.

Golongan Zimmi :

Golongan bukan Islam yang tinggal di Negara Islam dan hidup aman damai seperti golongan islam yang lain. Kerajaan tidak menjalankan dasar paksaan dalam agama. Golongan ini juga menikmati hak-hak kerakyatan umat Islam yang lain. Mereka tidak perlu membayar zakat tetapi perlu membayar jizyah.

Golongan Hamba :

Perubahan taraf sosial dan corak kehidupan keluarga bangsawan dan pemerintah Umayyah yang hidup mewah telah menyebabkan mereka memerlukan ramai hamba. golongan hamba ini terdiri daripada pelbagai bangsa seperti orang Afrika, Monggol dan Goth dari Eropah.

Golongan Azariqah :

Berpusat di Iraq mempunyai kepercayaan agama yang berbeza. Bagi mereka orang Islam yang melakukan dosa besar seperti berzina dianggap kafir dan kekal dalam neraka. Mereka juga telah mengkafirkan Saidina Uthman, Ali dan sesiapa yang menyertai perang Jamal/P. Siffin. Mereka menganggap pemerintah yang zalim seperti Kerajaan umayyah perlu ditentang.

Golongan Najdiyah :

Mereka berpusat di Yamamah juga berjuang untuk menjatuhkan bani Umayyah. Mereka berpendapat orang yang menyokong pihak lain akan melakukan dosa besar, tidak boleh dihukum kafir tetapi hanya bertaraf munafik. Golongan ini tidak mewajibkan adanya khalifah, asalkan komuniti mematuhi ajaran Al-Quran. Banyak terbabit dalam bidang politik dan tentera daripada bidang agama.

Kaum Syiah :

Ingin menuntut bela atas pembunuhan Hussain putera kepada Saidina Ali di Karbala. Mereka ingin menebus dosa kerana tidak menjaga keselamatan Hussain sehingga dibunuh oleh tentera Bani Umayyah.

Kesimpulan. (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

10. **Jelaskan faktor serta cara penentangan Quraisy Mekkah terhadap dakwah Nabi Muhammad S.A.W dan huraikan cara baginda menghadapi penentangan itu.**

Pendahuluan (3 markah)

Biodata Nabi Muhammad S.A.W.

-Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan dengan 571 Masihi di Mekah. Ibunya bernama Aminah binti Wahab. Ibunya telah meninggal dunia apabila Nabi Muhammad 6 tahun. Bapanya bernama Abdullah Abdul Muttalib dan beliau meninggal dunia apabila nabi dalam kandungan.

-Sewaktu baginda berusia 40 tahun, datanglah malaikat Jibril membawa wahyu pertama, iaitu ayat 1-5, surah al-Alaq.

-Wahyu kedua kepada Nabi Muhammad iaitu Surah al-Mudathir dan turunya surah ini telah mengesahkan pelantikan baginda sebagai seorang Nabi dan Rasul Allah dan baginda wajib menyampaikan dakwah Islam.

-Mulanya nabi menyampaikan dakwah secara sulit, bila mendapat perintah dari Allah maka nabi menyampaikan dakwah secara terbuka. Wujud penentangan daripada kaum Musyrikin Makkah.

Isi Jawapan (20 markah)

Faktor-faktor penentangan (4 x 2 markah = 8markah)

1. Agama dan Kepercayaan:

Ajaran agama Islam jelas bertentangan dengan kepercayaan majoriti musyrikin Arab yang menganuti pelbagai bentuk agama dan kepercayaan seperti agama Wathani, Majusi, Nasrani dan Animisme. Ajaran Islam yang memberi amaran tentang adanya Hari Pembalasan telah menakutkan majoriti musyrikin Arab yang tidak percaya akan adanya Hari Pembalasan. Mereka menganggap Islam sebagai agama tahayul, karut dan fantasi semata-mata.

2. Ekonomi:

Penyebaran agama Islam didakwa telah menyebabkan kemerosotan Kota Makkah sebagai pusat perdagangan dan pembuatan patung-patung berhala di Semenanjung Tanah Arab dan tidak lagi dikunjungi oleh tetamu bangsa lain. Golongan artisan dan

peniaga patung berhala terjejas pendapatan tetap mereka. Andainya mereka memeluk agama Islam maka sudah tentulah punca rezeki daripada menjual berhala dan patung akan hilang kerana Islam tidak membenarkan perniagaan membuat patung berhala.

3. Politik:

Kehadiran dan kegiatan Nabi Muhammad telah menyebabkan golongan Quraisy Bani Umayyah yang merupakan penguasa kota Makkah berasa terancam dengan keturunan Rasulullah iaitu Bani Hashim. Pengaruh Bani lain turut merosot. Kaum Quraisy ingin mengekalkan kuasa dan pengaruh yang dipegang selama ini dan mereka tidak mau kepemimpinan Kota Makkah jatuh ke tangan Nabi Muhammad s.a.w dan dikekalkan di tangan puak Bani Hashim.

4. Sosial:

Konsep persamaan taraf dalam Islam bertentangan dengan sistem feodal yang diamalkan oleh majoriti Musyrikin Arab. Musyrikin Arab memandang tinggi dan mulia terhadap golongan kaya, perkasa dan berpengaruh. Kegiatan sosial mereka yang lebih mementingkan keseronokan duniawi seperti berzina dan minum arak akan tersekat. Dengan terlaksana ajaran Islam, maka hal ini bermakna darjat tinggi dan keistimewaan kaum Quraisy tidak wujud lagi kerana menurut ajaran Islam, semua manusia adalah sama sahaja kecuali bagi orang yang bertakwa.

A) Cara-cara penentangan (4 x 2 markah = 8markah)

1. Menghinia Nabi Muhammad dan juga ajaran Islam:

Orang Musyrikin mencabar Nabi Muhammad supaya menunjukkan mukjizat seperti nabi nabi yang terdahulu.

2. Menghasut Abu Talib:

Pihak Quraisy cuba mempengaruhi bapa saudara baginda iaitu Abu Talib supaya menyerahkan baginda kepada mereka tetapi tawaran mereka tidak diterima oleh Abu Talib kerana beliau menyebelahi Rasulullah.

3. Menyogok Rasulullah:

Kaum Quraisy cuba memujuk Nabi dengan menawarkan perempuan, harta dan pangkat dengan syarat baginda meninggalkan seruan Islam, tetapi tawaran ini ditolak oleh baginda.

4. Menggunakan cara kompromi:

Kaum Quraisy mencadangkan agar Nabi Muhammad menyembah berhala dan mereka akan menyembah tuhan baginda. Tawaran ini juga ditolak oleh baginda berdasarkan perintah Allah dalam surah Al-Kafirun.

5. Menggunakan tindakan keras:

Kaum Quraisy melakukan penyeksaan ke atas orang Islam. Ramai golongan-golongan hamba yang memeluk Islam khususnya dizalimi tanpa perikemanusiaan sehingga mereka menemui ajal dan gugur di jalan Allah. Namun begitu, bilangan orang yang memeluk Islam terus bertambah.

6. Memulaukan golongan Bani Hasyim:

Orang Quraisy telah menggunakan taktik baru untuk melemahkan umat Islam dengan cara memulaukan kaum keluarga Nabi. Pemulauan yang berlangsung selama kira-kira 3 tahun itu mengandungi larangan melakukan urusan jual beli, perkahwinan dan memberi pertolongan kepada keluarga Nabi.

B) Cara baginda menanganinya (4 x 1 markah = 4markah)

1. Menyeru umat Islam bersabar:

Baginda menyeru kepada umat Islam yang ditindas agar bersabar dengan dugaan Allah terhadap kezaliman dan penyeksaan yang dihadapi.

2. Merdekakan hamba

Menyeru golongan hartawan dan berkemampuan membeli dan menebus serta memerdekakan golongan hamba yang telah menganuti agama Islam yang disiksa seperti Bilal Bin Rabah.

3. Mencari perlindungan

Berindung dengan pemimpin Quraisy yang berpengaruh yang bersikap berkecuali seperti Abu Talib Bin Abu Mutalib.

4. Bersabar dan meneruskan dakwah kepada golongan lain

Berdakwah kepada rombongan haji tradisi Arab dan langkah ini Berjaya menarik minat golongan Arab di Yathrib terhadap agama Islam dan menandatangani Perjanjian Aqabah 1 dan Aqabah 2.

5. berhijrah:

Baginda menyeru kepada golongan umat Islam supaya berhijrah ke Habsyah kerana pemerintahnya yang bernama Najasyi ialah penganut agama Nasrani yang adil dan bertanggungjawab, berhijrah ke Taif dan ditolak oleh masyarakat Yahudi di sana serta berhijrah ke Yathrib pada tahun 622 Masihi.

Kesimpulan (2 markah)

-Penghijrahan Nabi Muhammad ke Yathrib pada tahun 622 Masihi telah meredakan penentangan hebat golongan Musyrikin Arab dan menjadi asas kemenangan umat Islam dari segi jangkamasa panjang.

11. Nyatakan faktor-faktor dan kesan penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W dari Makkah ke Madinah.

Pendahuluan (3 markah)

a) Konsep Hijrah

1. Hijrah ertinya ‘ perpindahan ‘, iaitu perpindahan orang Islam dari Makkah ke Madinah bermula pada 1 Muharram dan tarikh ini merupakan bermulanya tahun hijrah dalam kalendar Islam.
2. Orang Islam telah merangka strategi yang cukup teliti untuk berhijrah bagi memastikan kejayaannya dari segi agama, moral, sosioekonomi dan politik. Madinah dipilih sebagai tempat hijrah kerana kesesuaiannya dari segi agama, moral dan sosioekonomi.
3. Orang pertama yang berhijrah ke Madinah ialah Abu Salamah bin Abd al-Asad pada 1 Muharam tahun pertama Hijrah (16 Julai 622 M). Rombongan pertama yang berhijrah ke Madinah ialah seramai 70 orang dan mereka berhijrah dalam kumpulan-kumpulan kecil agar tidak diketahui oleh kaum Musyirikin Makkah .

Isi Jawapan (20 markah)

Faktor-faktor penghijrahan (5x 2 markah = 10 markah)

1. Bai'at Aqabah

Termeterainya Bai'at Aqabah mempercepatkan lagi proses Hijrah. Melalui Bai'at ini, Nabi telah dapat menjangka sambutan penduduk Madinah adalah lebih baik. Dalam Bai'at Aqabah pertama, hanya 12 orang yang terlibat manakala dalam Bai'at Aqabah kedua, bilangannya telah meningkat kepada 73 orang. Orang Madinah bukan sahaja mahu menerima Islam tetapi sanggup memberi perlindungan kepada Nabi dan orang Islam.

2. Tekanan Musyirikin Mekah

Tekanan / Ancaman dari musyirikin Mekah telah mendorong Nabi dan orang Islam berhijrah ke Mekah. Nabi dan orang-orang Islam telah dihina, diseksa dan dipulau. Malah, Nabi sendiri telah diancam untuk dibunuh. Orang-orang musyirikin mula menunjukkan penentangan mereka apabila Nabi menyebarkan Islam secara terbuka. Mereka bimbang kedudukan mereka dari segi politik, ekonomi dan sosial akan terjejas.

3. Kegagalan Dakwah di Taif

Kegagalan dakwah di Taif menyebabkan Nabi cuba mengalihkan perhatian ke tempat lain, iaitu Madinah. Kedatangan penduduk Madinah ke Mekah dan kesungguhan mereka untuk menerima dan menyebarkan Islam memberi satu gambaran yang baik kepada Nabi. Penduduk Taif ternyata tidak mahu menerima Islam memandangkan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Quraisy di Mekah.

4. Kematian Abu Talib dan Khadijah

Kematian Abu Talib dan Khadijah telah menyebabkan Nabi kehilangan tempat untuk berlindung. Ia sedikit sebanyak meninggalkan kesan ke atas Nabi. Khadijah adalah seorang isteri yang sangat setia dan sanggup mengorbankan segala-galanya untuk Nabi dan orang Islam. Abu Talib pula walaupun tidak menerima Islam, tetapi beliau tetap melindungi Nabi dari ancaman.

5. Mencari Tempat Baru untuk Berdakwah

Nabi berhasrat untuk mendapatkan sebuah tempat baru untuk berdakwah memandangkan sambutan dari penduduk Mekah kurang menggalakkan. Nabi agak kecewa dengan sikap penduduk Mekah. Di Mekah selama 13 tahun, bilangan yang menerima Islam agak kecil berbanding dengan tempoh 10 tahun Nabi berdakwah di Madinah.

6. Persediaan Penduduk Madinah Menerima Nabi

Persediaan penduduk Madinah menerima Nabi telah mendorong Nabi berhijrah ke sana. Penduduk Madinah sangat berharap Nabi dapat membantu mereka menyelesaikan perbalahan antara orang Arab dan Yahudi, juga antara orang Arab dan Arab, khususnya antara Aus dan Khazraj. Perbalahan ini berpunca dari perebutan kuasa di Madinah.

7. Kedudukan Madinah yang Strategik

Kedudukan Madinah di tengah-tengah jalan perdagangan antara Syam dan Yaman sangat sesuai untuk dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam. Ia juga berpotensi menyaingi kedudukan Mekah sebagai pusat perdagangan. Dengan ini, Madinah bukan sahaja dapat dijadikan sebagai sebuah negara yang kukuh dari segi politik tetapi juga ekonomi.

8. Penduduk Madinah Hampir dengan Agama Samawi

Penduduk Madinah kebanyakannya sudah mengetahui serba sedikit tentang agama Samawi, terutamanya melalui cerita-cerita yang dibawa oleh orang Yahudi. Pengetahuan ini memudahkan mereka memahami dan menerima ajaran yang dibawa oleh Nabi. Lagipun, penduduk Madinah mempunyai sifat-sifat semulajadi yang lebih lembut berbanding penduduk Mekah.

9. Wahyu

Hijrah berlaku apabila Nabi menerima wahyu dari Allah yang mengizinkan orang Islam berhijrah. Wahyu tersebut ialah ayat 30, Surah al-Anfal. Ayat tersebut mengingatkan Nabi tentang pakatan yang dilakukan oleh orang musyirikin Mekah terhadap Nabi. Wahyu ini menggesa Nabi supaya segera berhijrah ke Madinah.

Kesan-kesan penghijrahan.(5 x 2markah = 10 markah)

1. Umum

Dapat mempergiatkan penyebaran agama Islam Hijrah merupakan suatu proses jangka panjang dalam perjuangan umat Islam dan dilakukan secara terancang dan teratur dari segi kerohanian dan kebendaan .Nabi Muhammad (SAW) mendapat teman yang setia, jujur dan ikhlas dalam mengharungi perjuangan iaitu Ali dan Abu Bakar. Keredaan dan restu daripada Allah perlu sentiasa dipohon terutama di waktu-waktu kesusahan.

2) Perubahan Pusat Gerakan Islam Perkembangan politik

Pusat gerakan Islam berpindah ke Madinah dimana kegiatan Islam dapat dijalankan dengan lebih aman dan bebas dari ancaman kaum Quraisy. Penyebaran Islam mula dapat dijalankan secara bebas dan terbuka tanpa ancaman kaum Quraisy. Ajaran-ajaran Islam diamalkan dengan bebas tanpa kekhuatiran dimana-mana sahaja bahagian kota Mekah. Bidang politik mempunyai kaitan langsung dengan kegiatan ketenteraan di mana kegiatan ketenteraan Islam berkembang dengan pesat dan berjaya menundukkan dua buah empayar besar iaitu Parsi dan Rom.

3) Penyebaran Islam Semakin Meluas

Ajaran Islam dapat disebar dengan lebih meluas dan pesat. Penyebarannya begitu meluas sehingga melepasi sempadan politik Mekah dan Madinah. Nabi Muhammad telah menghantar utusan kepada pemerintah Rom, Farsi, Habsyah, Ghassan, Mesir, Bani Bakar dan sebagainya yang menyeru mereka kepada agama Allah. Di antara yang menerima utusan tersebut ialah Heraclius (Maharaja Byzantine), Muqaucis (pemimpin golongan Qibbi di Mesir), Najashy (Maharaja Habsyah) dan Kisra Farsi.

4) Perubahan Kedudukan Nabi

Baginda tidak lagi diancam secara fizikal atau dihina oleh kaum Quraisy. Malah baginda menjadi pemimpin utama Madinah yang dihormati dan disegani. Semasa di Madinah, baginda turut menjadi hakim, ketua negara, panglima perang, guru agama, pemimpin umat dan sebagainya. Peranan itu tidak dapat dimainkan semasa baginda di Mekah.

5) Pertambahan Umat Islam

Hijrah umat Islam adalah atas arahan Allah dan merupakan pekerjaan yang berkaitan dengan agama. Tujuan utama hijrah adalah untuk menuntut keredaan Allah. Madinah dipilih adalah kerana kesesuaiannya untuk dijadikan pusat penyebaran agama Islam. Peristiwa hijrah ke Madinah juga terdapat banyak unsur-unsur mukjizat yang berkaitan dengan aspek keagamaan secara langsung dan dapat mempertingkatkan iman dan keyakinan orang Islam. Umat Islam semakin bertambah dan terdiri dari dua golongan iaitu golongan Ansar dan Muhajirin. Golongan Ansar ialah orang Madinah yang menganut agama Islam. Majoritinya ialah kaum Aus dan Khazraj. Golongan Muhajirin ialah umat Islam Mekah yang mengikut Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah. Muhajirin bermakna "penghijrah". Pertumbuhan masyarakat Islam ini mewujudkan sebuah ummah Islamiyah. Umat Islam menjadi semakin kukuh dan mampu mempertahankan diri mereka.

6) Penubuhan Negara Islam

Kota Madinah menjadi negara Islam yang pertama di dunia apabila Nabi berjaya membentuk Piagam Madinah. Ia menukarkan imej kota Madinah yang hampir dikuasai oleh kaum Yahudi kepada sebuah kota Islam. Piagam ini dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di dunia kerana ia mempunyai negara yang ditentukan kawasannya, mempunyai ummah yang tertentu dan menyentuh hak-hak seluruh masyarakat.

7) Perubahan Kehidupan Masyarakat Madinah

Sebelum Nabi Muhammad berhijrah, penduduk Madinah hidup dalam suasana Jahiliah tanpa sistem undang-undang yang teratur. Keadilan terletak pada kekuatan. Manusia yang lemah sering ditindas. Dengan kedatangan Nabi, sistem perundangan yang teratur diperkenalkan. Peraturan ini meliputi hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat seperti bidang ekonomi, kekeluargaan, pemerintahan dan sebagainya. Semua penduduk Madinah hidup bebas dari penindasan.

8) Menamatkan Permusuhan Tradisi Golongan Ansar

Konflik diantara suku Aus dan Khazraj ditamatkan dengan mempersaudarakan mereka dengan ikatan semangat Ukhuwwah Islamiyah. Sebelum itu, mereka saling bermusuhan. Peperangan sering tercetus sesama mereka. Peperangan yang terakhir ialah Perang Bu'ath pada 618 M di antara suku Aus dan Khazraj yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.

9) Permulaan Kalendar Hijrah

Tarikh penghijrahan Nabi Muhammad dijadikan sebagai titik terawal bagi pengiraan sistem kalendar Islam iaitu Tahun Hijrah. Hal ini dilakukan oleh Khalifah Umar

al-Khattab pada 634 M. Takwim ini mengikut peredaran bulan. Dalam setahun mengandungi 12 bulan atau 354 hari. Setiap bulan mempunyai 29-30 hari.

10) Perubahan Dasar Politik

Umat Islam mula menjalankan dasar politik bercorak offensive iaitu menentang apa sahaja penentangan Quraisy secara kekerasannya. Perubahan dasar ini dilakukan setelah turunnya Suruh al-Hajj. Sebelum itu, mereka hanya bertahan dan bersabar.

11). Pertumbuhan Ekonomi

Kedudukan ekonomi orang Islam sewaktu di Madinah semakin kukuh. Orang-orang Muhajirin telah diberi bantuan oleh orang Ansar. Selain itu, Madinah merupakan kawasan yang sesuai untuk pertanian dan kedudukannya yang strategik untuk perdagangan. Setelah hijrah, sistem ekonomi Islam yang bertepatan dengan syariat Islam telah diperkenalkan dan ekonomi masyarakat Islam bertambah kukuh dan negara Islam menjadi lebih makmur dan stabil.

12) Sosial (pembentukan ummah)

Semasa di Makkah, masyarakat Jahiliah mengamalkan cara hidup berkabilah sementara para peniaga pula bersifat individualistik. Penghijrahan telah menghapuskan nilai-nilai masyarakat Jahiliyah dan digantikan dengan nilai-nilai murni berpandukan akidah dan akhlak. Dalam sistem sosial Islam, setiap orang diberi kebebasan tanpa mengira kaum, agama dan keturunan di mana hidup berkabilah telah digantikan dengan sistem sosial dalam bentuk Ummah.

Kesimpulan (2 markah)

Sejarah penghijrahan Nabi Muhammad (SAW) merupakan perjuangan Baginda untuk menegakkan ajaran agama Islam. Baginda didorong dan didesak oleh keperluan untuk mencari sesuatu yang lebih baik dan lebih menguntungkan demi kebahagiaan dan kesejahteraan umat Islam. Umat Islam harus mengambil iktibar daripada penghijrahan Rasulullah (SAW) untuk meneruskan perjuangan hidup demi kebaikan umat Islam.

Penghijrahan ini juga telah membuka satu lembaran baru dalam episod penyebaran dan perkembangan agama Islam. Terlalu banyak kebaikan yang dinikmati oleh umat Islam dan umat manusia rentetan dari penghijrahan tersebut.

12. **Piagam Madinah merupakan piagam bertulis yang pertama di Dunia. Berikan huraian berhubung dengan kandungan dan kepentingan Piagam tersebut.**

Pengenalan : (3 Markah)

- Pada masa ketibaan Rasulullah s.a.w di Madinah terdapat dua golongan penduduk terbesar, iaitu orang Arab dan Yahudi. Orang Arab Islam, terdiri dari suku kaum Aus dan Khazaraj digelar sebagai Ansar (Golongan Penolong) dan orang Arab Quraisy yang berhijrah dari Makkah pula digelar Muhajirin (golongan Pendatang). Orang-orang Yahudi di Madinah pula terbahagi kepada beberapa kumpulan. Antaranya ialah bani Qainuqa, Quraizah dan Nadir.
- Orang-orang Ansar dari suku kaum Aus dan Khazraj sentiasa berselisih faham sesama mereka sejak zaman berzaman lagi. Orang Muhajirin pula terlalu miskin kerana mereka dihalau dari kampung halaman mereka. Orang-orang Yahudi sentiasa bersikap permusuhan dan sentiasa menghasut dan mengkhianati Rasulullah s.a.w dan pengikutnya. Orang-orang Munafik perlu menjadi musuh dalam selimut. Disamping itu pula orang-orang Musyrikin Quraisy di Makkah sentiasa membuat pelbagai usaha untuk menghancurkan agama Islam dan orang-orang Islam.
- Untuk mententeramkan keadaan gawat di Madinah, Rasulullah s.a.w membuat perjanjian dengan seluruh Penduduk di Madinah dan menulis satu piagam negara Islam pertama yang disebut sebagai Sahifah al-Madinah.

Isi :

Huraian mengenai Piagam Madinah : (8 Markah)

- Piagam Madinah berbeza dari tulisan-tulisan peraturan pemerintah sebelum ini, kerana perlembagaan ditulis oleh pemimpin iaitu Nabi Muhammad s.a.w untuk diterima pakai oleh rakyatnya, iaitu penduduk Madinah. Piagam ini merupakan **satu undang-undang tertinggi** di Madinah, selain itu Al-Quraan, yang telah menjadi tatacara pemerintahan di negara kota itu. Ia berlainan dengan The Constitution of Athens yang hanya merupakan sejarah evolusi amalan perlembagaan di negara itu. Piagam Madinah tidak seperti dokumen Shuking oleh Confucius yang merupakan buku teks untuk kanak-kanak raja. Ia juga bukan seperti dokumen Artha Sastera yang dianggap sebagai peraturan pemerintahan pada zaman Chandra Gupta Mauriya, yang hanya menjadi buku teks pembelajaran untuk anak-anak raja waktu itu;

Beberapa aspek utama piagam Madinah ialah:

- Pengakuan terhadap **Rasullah s.a.w sebagai Ketua Negara** madinah yang wajib dipatuhi dan dihormati. Apa -apa masalah besar antara penduduk Islam dengan penduduk bukan Islam mestilah dirujuk kepada ketua negara untuk diselesaikan. Walaubagaimana pun, semua ketua kaum mempunyai hak untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri secara yang difikirkan berpatutan.

- Semua penduduk Madinah hendaklah **hidup sebagai satu Ummah** yang tidak terpengaruh dengan apa – apa elimen yang tidak baik dari luar.
- Semua penduduk hendaklah bersatu-pada, berkerjasama, dan **bertanggungjawab mempertahankan negara** dari apa -apa serangan musuh.
- **Wahyu** sebagai sumber piagam termasuk tradisi .
- Semua penduduk diberi **kebebasan mengamalkan agama** masing – masing, dan tiada gangguan dan paksaan dalam hal keagamaan.
- **Keselamatan semua penduduk adalah terjamin** selama mereka mematuhi perlembagaan tersebut.

Kepentingan Piagam Madinah kerana ia mempunyai beberapa peruntukan berhubung dengan perkara-perkara berikut:

B. Kepentingan Piagam Madinah (6 x 2 markah = 12 markah)

1) Rasulullah menjadi Ketua Negara

Penerimaan Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara telah menaikkan kedudukan baginda sebagai pemimpin di dalam sebuah negara yang mana penduduknya terdiri dari pelbagai bangsa. Baginda mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa dasar negara dan menyelesaikan masalah yang timbul dari masa ke semasa.

2) Pengekalan struktur kekeluargaan masyarakat Madinah.

Pengekalan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam di samping pengubahsuaian sebahagian darinya sejajar dengan hokum Islam. Ketua-ketua kaum tetap mempunyai autoriti terhadap kaumnya dan Rasulullah sebagai ketua Hakim akan memutuskan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan yang di luar bidang kuasa ketua kaum berkenaan.

3) Hidup bermasyarakat

Orang-orang Islam diwajibkan hidup bermasyarakat sesama mereka secara aman dan mereka hendaklah membantu saudara seagama dan ditegah membantu dan berpihak kepada pihak musuh Islam.

4) Penyatuan Ummah

Piagam Madinah telah menyatukan kaum-kaum atau suku-suku yang sebelum ini sentiasa berselisih faham. Misalnya Aus dan Khazraj, Ansar dan Muhajirin .

5) Kegiatan Ekonomi

Memberi kebebasan kepada semua pihak untuk menjalankan aktiviti ekonomi selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan. Hal ini untuk mengelak penguasaan penuh (monopoli) orang Yahudi terhadap ekonomi Islam di Madinah seperti mana penguasaan ekonomi oleh Quraisy di Makkah.

6) Kebebasan berdagang

Kebebasan yang diberikan menarik minat pedagang-pedagang luar datang ke Madinah. Akhirnya Madinah menjadi pusat perdagangan penting di Semenanjung Tanah Arab. Dengan itu umat Islam telah beransur-ansur menguasai ekonomi Madinah dan kawasan sekitarnya.

7) Kebebasan beragama

Dengan kebebasan ini orang Islam bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa gangguan atau sekatan. Hal ini memberi peluang orang bukan Islam mendekati orang Islam seterusnya berminat dengan ajaran Islam apabila memerhati akhlak dan personaliti dan disiplin umat Islam melakukan aktiviti harian termasuk amal ibadat.

8) Wujud Negara Islam Madinah

Orang Yahudi secara tidak lanjut mengiktiraf kewujudan Islam sebagai satu agama dan Madinah sebagai sebuah negara Islam dengan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin. Sebelum ini perkara ini ditolak oleh mereka.

9) Hak keselamatan terjamin

Keselamatan penduduk tanpa mengira agama atau kaum akan terjamin selagi mereka patuh kepada piagam. Pihak yang cuba mengkhianati piagam akan diambil tindakan termasuk memerangi, menghalau atau membunuh jika terpaksa. Contohnya Bani Qainuqa' di halau dari Madinah dan perang diistiharkan kepada mereka.

Kesimpulan : (2 Markah)

- Piagam Madinah bersifat perkembangan sebenar berbanding dengan tatacara pemerintahan kerajaan purba Greek, China dan India.
- Piagam Madinah merupakan piagam bertulis pertama di dunia.
- Dengan tergubalnya Piagam Madinah, lahirnya sebuah negara Islam pertama di dunia di Madinah, yang menjadi induk kepada Empayar Islam selepasnya, yang memerintah dunia selama tujuh abad.
- Piagam Madinah boleh dijadikan asas kepada mana-mana piagam Islam yang baru, terutama sekali kepada sebuah negara Islam yang mempunyai penduduk berbilang bangsa.

13. **Perang Uhud merupakan perang yang kedua dalam kalendar Islam dan ia berlaku pada tahun 3 Hijrah. Bincangkan faktor-faktor serta kesan dan pengajaran peristiwa Perang Uhud.**

Pendahuluan (3 markah)

a) Peristiwa Perang Uhud

-Perang Uhud berlaku pada pertengahan bulan Syaaban tahun 3 Hijrah (21 Mac tahun 625 Masihi). Peperangan ini berlaku di kaki bukit Uhud yang terletak kira-kira 4 kilometer di sebelah utara Madinah.

-Peperangan ini berlaku antara tentera Islam yang dipimpin oleh Nabi Muhammad s.a.w dengan tentera musyrikin Makkah pimpinan Abu Sufyan bin Harb, pemimpin Kota Makkah. Peperangan ini melibatkan tentera Islam Madinah yang mulanya bertolak dalam rombongan seramai 1000 orang tetapi seramai 300 orang yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay bin Salul bertolak balik semula ke Kota Madinah. Maka jumlah sebenar tentera Islam adalah 700 orang berhadapan dengan 3000 orang tentera Musyrikin termasuk tentera berkuda diketuai oleh Khalid al-Walid. Bersama-sama mereka anak dan isteri mereka. Tentera Quraisy dibantu oleh orang-orang Arab Tiharah dan Kinanah dilengkapi 3000 ekor unta dan 200 ekor kuda. Mereka juga membawa ramai wanita diketuai oleh Hindun.

-Peperangan ini pada mulanya hampir dimenangi oleh tentera Islam, tetapi kerana tidak patuh kepada arahan Nabi dan asyik mendapatkan harta rampasan yang banyak akhirnya tentera Islam tewas. Nabi sendiri cedera dan hampir terbunuh.

Isi jawapan (20 Markah)

a) Faktor-faktor berlaku Perang Uhud (5 x 2 markah = 10 markah)

1. Keinginan menebus kekalahan Perang Badar

Orang-orang musyrikin Makkah ingin membalas kekecewaan mereka kalah dalam perang Badar dahulu.

2. bela

Orang-orang Musyrikin Makkah ingin menuntut bela atas kematian ayah, saudara dan kaum kerabat semasa perang Badar. Misalnya Khalid al-Walid ingin menuntut bela kematian ayahnya Al-Walid dan Hindun menuntut bela kematian ayahnya Abu Jahal.

3. Angkara orang Yahudi

Kekalahan Quraisy dalam perang Badar tidak disenangi oleh orang Yahudi di Madinah. Akibat tidak menyenangi Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang Islam satu pakatan sulit dilakukan oleh Yahudi Bani Nadir dengan Musyrikin Makkah. Mereka telah menyerang sebuah kampung berhampiran Madinah sebagai provokasi dan memberi maklumat pertahanan Kota Madinah kepada Abu Sufyan.

4. Kebimbangan Quraisy terhadap perdagangan mereka.

Perdagangan antara Kota Makkah dengan Syam merosot kerana Quraisy bimbang keselamatan mereka kerana terpaksa melalui Madinah sebab laluan alternative melalui Iraq sangat jauh dan berbahaya. Mereka berpendapat masalah mereka akan selesai jika Islam di Madinah dihapuskan. Sebab itu mereka merancang untuk menyerang Madinah.

5. Mahu mengembalikan maruah pemimpin Quraisy

Kekalahan dalam Perang Badar menyebabkan ramai pemimpin Quraisy mati dan maruah mereka tercalar. Pemimpin Quraisy yang masih ada cuba mengembalikan maruah mereka agar mereka sentiasa dipandang mulia dan dihormati. Sebab itu Abu Sufyan beriya-iyanya mencari jalan untuk berperang dan memenangi peperangan tersebut.

b) Kesan-Kesan Perang Uhud (5 x 2 markah = 10 markah)

1. Islam dipandang rendah

Kabilah-kabilah Arab mula memandang rendah dan serong terhadap

umat Islam. Mereka kembali semula kepada kaum Quraisy. Ada yang berani membunuh umat Islam sewenang-wenangnya. Misalnya Bani Bakr yang membunuh seramai 70 orang utusan dakwah Islam di Bir Mauna.

2. Mesti patuh arahan ketua

Perang Uhud memberi pengajaran kepada tentera Islam agar mentaati serta mengikut taktik yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. serta dilarang sama sekali mengingkari arahan ketuank kerana padahnya amat besar sekiranya hal ini berlaku.

3. Krisis keyakinan di kalangan umat Islam.

Perang Uhud telah menimbulkan krisis keyakinan di kalangan umat

Islam yang tipis imannya mengenai mengapa tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. yang membawa agama Allah gagal mengalahkan tentera musuh.

4.. Berhati-hati dengan golongan Munafik

Perang Uhud menyebabkan umat Islam lebih berhati-hati ketika berhadapan atau berurusan dengan orang munafik. Selain itu memberi gambaran mengenai sifat-sifat dan bahaya yang ditimbulkan oleh golongan munafik.

5.. Orang Yahudi mula tidak menghormati Islam

Orang-orang Yahudi di Madinah mula tidak menghormati Islam dengan melanggar Piagam Madinah kerana mereka sangka Islam sudah lemah. Rasulullah telah bertindak menghalau Yahudi Bani Nadir dari kota Madinah kerana mengkhianati Sahifah Madinah dan usaha mereka untuk membunuh Nabi.

6. Semangat orang Quraisy pulih

Kaum Quraisy semakin bersemangat untuk mengalahkan orang Islam kerana percaya kekuatan Islam mula lumpuh.

7. Orang Quraisy sentiasa berusaha hancurkan Islam

Perang Uhud membuktikan kaum Quraisy sentiasa berazam untuk menghancurkan Islam.

Kesimpulan (2 markah)

Perang Uhud amat besar ertinya kepada umat Islam kerana perang ini merupakan satu pengajaran pahit untuk mereka. Mereka mula sedar kesilapan dan sentiasa bersedia menghadapi musuh secara bersama. Orang-orang Islam juga mula menyedari bahawa golongan Yahudi dan Munafik tidak boleh diharapkan dan dipercayai. Orang Islam juga menyedari bahawa musuh-musuh Islam akan sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan Islam dengan apa cara sekalipun.

14. Huraikan sejarah penciptaan dan penggunaan matawang dalam sistem ekonomi Islam.

Pendahuluan (3 markah).

- Hijrah Nabi Muhammad (SAW) ke Madinah pada tahun 622 M telah membentuk negara Islam Madinah. Penubuhan Negara Islam Madinah telah membentuk pelbagai ciri tamadun Islam sehingga wujudnya sistem matawang Islam serta kemudahan dalam urusan perdagangan.

Isi Jawapan (20 markah)

Sejarah Penciptaan (4 x 3 markah = 12 markah)

1. Zaman Khulafa' al Rasyidin

Sebelumnya, Islam menggunakan mata wang Rom yang berupa dinar emas dan Parsi yang berupa dirham perak. Mata wang ini terus digunakan sehingga pemerintahan Khalifah Abd Malik bin Marwan 685 – 705 M. Sejarah mata wang Islam bermula pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab dan diperbaharui oleh Khalifah Ali bin Abi Talib pada tahun 660 M di Basrah. Terdapat tiga jenis matawang iaitu Dirham Bajli dari Parsi, Dirham Rumi dari Rom dan Dirham Tabari dari Asia Tengah.

2. Zaman Kerajaan Bani Umaiyyah.

Zaman Khalifah Abd Malik bin Marwan telah mencipta dinar emas. Dinar emas tersebut dan dirham perak Arab telah dicetak di Damsyik pada 695 M. Pada 686 M, Gabenor Hajjaj Yusuf al-Thaqafi telah mencipta dirham perak di Basrah. Gabenor Mesir, Abd Aziz bin Marwan telah mencipta dinar emas di Fustat pada tahun 697 M. Sejenis lagi matawang daripada tembaga dikenali 'Fals' berdasarkan mata wang asing.

3. Zaman Kerajaan Bani Abbasiyyah

Zaman Khalifah al- Makmum 813-833 M, percetakan mata wang emas diselaraskan oleh kerajaan pusat Baghdad. Contohnya pada taksiran cukai. Sejak abad ke-10 M , segala urusan perdagangan menggunakan mata wang emas. Lombong emas terdapat di Mesir pada zaman Fatimiyyah. Dinar emas terakhir dicetak di Baghdad pada tahun 1258 M selepas kejatuhan kerajaan Bani Abbasiyyah. Di Mesir, dinar terakhir dicetak pada zaman Saifuddin, pada tahun 1346 M.

4. Nusantara

Pada tahun 1295 M, wang emas dihasilkan oleh Samudera, Pasai dan Aceh. Mata wang yang digunakan bersaiz kecil dan mempunyai pengaruh Arab seperti huruf Arab, tahun hijrah, lambang bulan bintang dan lain-lain. Di Melaka, mula digunakan dan diperkenalkan oleh Sultan

Muzzafar Syah (1445-1458 M) pada tahun 1445 dan penggunaannya sehingga 1510 M. Pada tahun 1527 M, Kesultanan Johor menghasilkan wang emas dan perak yang mempunyai inskripsi Arab. Di Brunei pada zaman Sultan Nasaruddin (1690 – 1710 M) menggunakan wang dari Timur Tengah seperti Arab, Mesir, Iraq dan Parsi.

Pengunaan Mata Wang (4x 2 markah = 8 markah)

1. Peranan mata wang Islam ialah dalam pembayaran zakat dan untuk memelihara dan menjamin perimbangan sosial bertujuan menegakkan keadilan untuk manusia dan alat pertukaran dalam urusan perdagangan.
2. Bahan yang bernilai dan ukuran perbelanjaan dan penentuan dalam percukaian. Untuk menentukan kedudukan taraf manusia, kaya atau miskin dan pengukuran status manusia dan alatan dalam pembayaran upah.
3. Perbelanjaan- sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi semua urusan perdagangan jual beli, hutang dan sebagainya mengikut nilai mata wang bukannya menggunakan system barter menjadi sebab penting Madinah menjadi pusat perdagangan di tanah melayu.
4. Belanjawan-tentukan belanjawan seperti gaji, elaun, simpanan baitulmal, sewaan, cukai tahunan dan sebagainya. Contohnya bayaran gaji tentera pada zaman Kerajaan bani Umaiyah dan Kerajaan Bani Abbasiyah.
5. Lambang Negara islam-salah satu artifak penting sebagai bukti keislaman sesebuah Negara. Matawang menjelaskan agama, system pentadbiran dan pengaruh yang diterima oleh sesebuah kerajaan.

Kesimpulan (2 markah)

- Penggunaan mata wang dalam perdagangan telah bermula sejak permulaan Islam di Timur Tengah dan berlanjutan hingga kerajaan Islam Alam Melayu, contohnya Kerajaan Melayu Melaka. Mata wang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri ketamadunan Islam.
- Apa sahaja kesimpulan yang sesuai.

15. Bandingkan sistem pendidikan pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah dan Bani Abbasiyah.

Pendahuluan (3markah)

- Zaman Bani Umaiyah dan zaman Abbasiyah merupakan zaman yang berlangsung selepas zaman Khulafa Al-Rasyidin dan berlaku perkembangan pesat dalam pendidikan.
- Antara faktor yang membawa kepada perkembangan pesat ini termasuklah sokongan pemerintah, dasar Islam yang mementingkan ilmu dan sebagainya.
- Terdapat persamaan dan perbezaan di dalam sistem pendidikan zaman Umaiyah dan Abbasiyah antaranya institusi pendidikan, tenaga pengajar, mata pelajaran dan sistem pengajaran.

Isi jawapan (20 markah)

Sistem pendidikan zaman Umaiyah (10 Markah)

i. Institusi pendidikan

- a. Masjid dijadikan institusi pendidikan utama seperti masjid Kufah dan Basrah.
- b. Istana khalifah dijadikan tempat belajar dan perpustakaan yang menyimpan segala bahan bacaan.
- c. Bahan bacaan Yunani diterjemahkan dalam kesusasteraan Arab
- d. Terdapat juga Khuttab iaitu sekolah permulaan.
- e. Terdapat dua jenis khuttab ;
 - Untuk orang awam yang dikenakan yuran pengajian.
 - Khuttab al-Sabil untuk kanak-kanak miskin yang tidak dikenakan yuran pengajian.
- f. Pengajian al-Quran dan asas ilmu agama ditekankan di khuttab.

- g. Kaedah pengajian berbentuk Halaqah, iaitu seseorang guru duduk di tengah dan dikelilingi oleh murid-murid.

ii. Tenaga pengajar

- a. Guru-guru di masjid mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh dan memiliki pelbagai pengetahuan lain.
- b. Mereka mengajar dengan ikhlas tanpa mengharapkan gaji.
- Guru-guru di Istana di gelar Muaddib dan kurang berpengetahuan berbanding guru-guru di masjid.
- c. Mereka bukan sahaja mengajar ilmu tetapi mendidik anak-anak khalifah.
- d. Antara ulama yang terkenal yang menjadi guru di masjid ;
- Abdullah bin Abbas ; ahli tafsir, Hadis, Fekah dan Sastera.
 - Hassan al-Basri ; ahli fekah, usuluddin, dan murid beliau yang terkenal ialah Wasil bin Ata' iaitu pengasas mazhab Mu'tazillah.

iii. Mata pelajaran yang diajar

Pengajian seni muzik dan puisi berpusat di Makkah dan Madinah.

- b. Pengajian kesusasteraan dan ilmiah berpusat di Kufah dan Basrah. Khutbah, syarahan, dan puisi menjadi subjek yang utama untuk menyampaikan propaganda kerajaan Bani Umayyah.
- c. Semasa pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz, ilmu falsafah telah diajar.
- d. Ilmu Qiraat (ilmu membaca al-Quran) dikembangkan.
- Ilmu diajar di masjid-masjid di Damsyik, Madinah, Kufah, dan Basrah.
- e. Al-Quran juga diletak titik dan tanda serta tanda tanwin dan syaddah. Tugas tersebut dilakukan oleh Nasir bin Asim

iv. Sistem pengajaran

- Pendidikan secara terbuka di Khuttab dan masjid telah menjadikan rakyat berlumba-lumba mengejar ilmu pengetahuan.
- Penyebaran agama Islam telah meluas dan perlu kepada sistem pendidikan bagi mengajar penganut-penganut baru agama Islam.
- Kemunculan ilmu falsafah yang menjadi senjata untuk mematahkan hujah orang Yahudi dan Nasrani.
- Ilmu sejarah juga membantu perkembangan sistem pendidikan untuk memahami ilmu ketatanegaraan, sistem pemerintahan dan pentadbiran serta memahami peristiwa masa lalu.

B. Sistem pendidikan zaman Abbasiyah (10 markah)

Institusi pendidikan

- Pada zaman khalifah Al-Makmun, Baghdad menjadi pusat pendidikan yang masyhur di dunia.
- Pada zaman khalifah Harun Al-Rasyid, di dirikan Baitul Hikmah pusat pengajian dan terjemahan.
- Di Kaherah terdirinya Dar Al-Hikmah. Di Syria wujudnya madrasah Nuriya Al-Kubra.
- Pada tahun 459 Hijrah, sebuah institusi pendidikan tinggi di Naisabur, iaitu Madrasah Nizamiyyah yang didirikan di zaman pemerintahan Bani Saljuk di bawah pimpinan Perdana Menteri Nizam Al-Muluk.
- Terdapat juga pusat pengajian yang lebih rendah di sekitar Baghdad seperti Khuttab dan tempat pengajian umum seperti perpustakaan, istana, kedai-kedai buku dan sebagainya.

Tenaga pengajar

- Guru dipandang tinggi oleh masyarakat serta diberi gaji yang tinggi.
Kebanyakan Khalifah Bani Abbasiyyah mencintai ilmu pendidikan dan kesusasteraan serta menjadi penaung.
- Pada zaman ini lahir beberapa orang tokoh ulamak seperti Imam Abu Hanifah(150 Hijrah), Imam Malik(178 Hijrah), Imam Syafie (204 Hijrah), Imam Ahmad (241 Hijrah) dan lain-lain.

Mata pelajaran yang diajar

Di Khuttub, diajar menulis, membaca, mengira serta di peringkat menengah, semua bidang diajar seperti falsafah, matematik, kimia, dan astronomi.

Sistem pengajaran.

- Terbahagi kepada dua, iaitu sistem bersekolah dan sistem halaqah.
- Murid-murid di peringkat sekolah rendah menggunakan batu tulis dan pena batu.
- Bahan bacaan ialah Al-Quran, beberapa rangkap syair, dan bahan-bahan yang mudah serta kitab nahu dan sastera.
- Peringkat menengah, peralatan pengajian lebih moden.

Kesimpulan (2 markah)

- Zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah telah memperlihatkan kepentingan sistem pendidikan Islam hingga Islam terus berada dalam zaman kecemerlangannya.
- Pendidikan pada kedua-dua zaman ini telah mencakupi pelbagai disiplin ilmu samada berkaitan keagamaan ataupun keduniaan.
- Perkembangan tersebut banyak dibantu oleh sikap khalifahnyanya yang cinta akan ilmu malah mereka juga telah memperuntukkan satu perbelanjaan yang besar untuk memajukan sektor pendidikan.

16. Bincangkan perkaitan antara hijrah Nabi Muhammad (S.A.W) ke Madinah dengan sejarah penjelajahan dan penerokaan umat Islam selepas kewafatan Baginda

Pengenalan (3 Markah)

1. Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah berlaku pada tahun ke 3 selepas kerasulan baginda, bersamaan 12 September tahun 622 Masihi. Peristiwa ini berlaku kerana tentangan hebat yang dihadapi oleh baginda tatkala menyebarkan agama Islam termasuk cubaan untuk membunuh baginda.
2. Peristiwa ini sememangnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan peristiwa penjajahan dan penerokaan memandangkan ia kesemuanya memenuhi matlamat dan tujuan penjelajahan dan penerokaan umat Islam iaitu pembebasan, pengislaman, dan pengintelektualan. (Pengertian penjelajahan dan penerokaan boleh diterima).
3. Maksud hijrah ialah perpindahan Nabi Muhammad s.a.w dari Kota Mekah ke Kota Madinah.
Hijrah merupakan titik permulaan Tamadun Islam.
Hijrah Nabi s.a.w bukan kerana takut tetapi atas perintah Allah s.a.w.
Hijrah merupakan strategi baru dalam penyebaran Islam >
Kepentingan kepada perkembangan Islam serta permulaan calendar Islam

Isi-isi penting. (7x3 isi = 21 Markah)

1. Kepentingan politik:

- Umat Islam bebas menyebarkan dakwah
- Memudahkan lagi penyebaran Islam dengan kuasa politik.
- berjaya membebaskan masyarakat dari belunggu Rom dan Parsi dan dalam tempoh tidak sampai satu abad umat islam telah berjaya mendirikan sebuah empayar yang besar.
- Hijrah Nabi Muhammad SAW dari kota Makkah ke Madinah boleh dianggap sebagai titik tolak kepada pembinaan dan pembangunan umat islam . Rasulullah dapat menyelesaikan masalah2 yg dihadapi oleh umat Islam baik dari kalangan Muhajirin/Ansar sama ada dari segi politik/ekonomi.

2. Kepentingan ekonomi

- Menghapuskan ekonomi barat yang menindas golongan yang lemah.
- Mengelakkan monopoli perdagangan bag isatu-satu pihak sahaja.

- Ekonomi islam semakin mantap dan kukuh dan berjaya menghapuskan amalan riba dan monopoli dalam sistem perniagaan.
- menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja untuk mendapat rezeki yang halal
- Dengan semangat hijrah Nabi Muhammad telah memberi dorongan dan perangsang kepada umat Islam berhijrah belayar meneroka kawasan-kawasan yang jauh merentasi benua-benua dan lautan samudera, bagi tujuan mencari rezeki bukan sahaja di Tanah Arab bahkan di luar Semenanjung Tanah Arab.
- Contohnya ke Negara China, India, Asia Tenggara dan Eropah.

3. Kepentingan Sosial

- Masyarakat bebas untuk memeluk Islam tanpa penyiksaan dan gangguan
- Hijrah juga dapat menghapuskan sistem kasta yang diamalkan dalam masyarakat.pada zaman Jahiliyah dan diganti dengan nilai murni berasaskan akidah ,. Syariah dan akhlak
- Hidup berpuak-puak diganti dengan hidup sosial yang bersatu padu dalam bentuk ummah.
- Pemberian hak dan kebebasan tanpa mengira agama , kaum dan keturunan

4. Kepentingan pelayaran dan geografi

- mendorong meneroka ke kawasan yang lebih jauh merentasi benua dan lautan
- Abad ke 9 bidang geografi dan pelayaran dikuasai oleh orang islam
- Lahir tokoh-tokoh pelayaran islam seperti Ibn Masudi , Ibn Batuttah dll
- berjaya menghasilkan bahan-bahan penyelidikan serta teori berkaitan ilmu geografi dan pelayaran

5. Tahun Hijrah

- Melahirkan tahun hijrah dalam takwim islam bermula dari tarikh orang islam dari Mekah ke Madinah pada 1 muharram 1H bersamaam 16 julai 622M. Penentuan tahun hijrah dibuat pada zaman Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 17H.
- Tujuan untuk mengingati peristiwa hijrah yang penuh pengajaran dan hikmat dan memudahkan urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Takwim hijrah mengikut peredaran bulan, dan daripada takwim ini, ilmu yang berkaitan dengan pelayaran dan penjelajahan telah dikembangkan kepada ilmu-ilmu khusus tentang alam seperti geografi dan astronomi.

6. Menyebarkan agama islam.

- Hijrah Nabi untuk menyebarkan agama Islam ke wilayah baru telah dicontohi oleh beberapa pendakwah Islam seperti Syeikh Ismail di Pasai, Sayid Abu bakar di Jawa, Syeikh Abdul Aziz di Melaka yang mula-mula tiba di Alam Melayu dan memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di seluruh Alam Melayu.
- Kesannya keimanan rakyat tempatan diperkukuh.

7. Menyebarkan ilmu pengetahuan

- Melalui penerokaan dan penjelajahan, umat Islam telah dapat memperoleh ilmu pengetahuan dari tamadun sebelumnya atau melalui pemerhatian alam.
- Ilmu astronomi dari Yunani, Parsi dan India telah mempengaruhi ahli-ahli astronomi Islam.
- Ilmu geografi Islam juga semakin maju melalui p & p ke Mesir, Parsi, Yunani dan lain-lain.
- Banyak buku-buku dalam pelbagai bidang telah diterjemahkan daripada bahasa Yunani, Parsi, India dan Mesir seperti buku perubatan.
- Kesannya bidang pengintelektualan Islam telah berkembang ke seluruh dunia termasuklah ke Eropah.

Kesimpulan (1 Markah)

Penjelajahan dan penerokaan amat penting dari perspektif islam iaitu dlm konteks dakwah, politik, ekonomi, kebudayaan dan pengintelektualan .Hal ini kerana penjelajahan dan penerokaan dapat mperluaskan lagi pemikiran dan pengetahuan umat islam supaya ia dapat mencakupi semua ruang lingkup kehidupan umat islam itu sendiri.

Banyak ayat Al Quran yang member kepentingan tentang penerokaan dan penjelajahan. Umat islam harus mengambil iktibar daripada penghijrahan Rasulullah (S.A.W) untuk meneruskan perjuangan hidup untuk kebaikan umat Islam.

SEJARAH 1(940/1) – TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800 MASIHI
PENILAIAN PERCUBAAN STPM 2010 - JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG